

ملاک هاری این

Mhi
Sejak 1982

MELAKA HARIINI

Menyambut Ulang Tahun Ke-40



Dapatkan e-paper
MHI di sini

Melaka Week di Expo 2020 Dubai tarik lebih RM6.52 bilion pelaburan, potensi perniagaan

Lonjak ekonomi Melaka



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali ketika bersama delegasi Kerajaan Negeri Melaka mengadakan mesyuarat dan lawatan kerja ke Sharjah Research Technology and Innovation Park (STRIP), di Emiriah Arab Bersatu (UAE).



EXPO
2020
DUBAI
UAE



SEKITAR sesi pertukaran dokumen memorandum persefahaman di antara Universiti Canada Dubai (CUD) dan Universiti Multimedia (MMU) kampus Melaka di Pavillion Malaysia bersempena Melaka Week di Expo 2020 Dubai.

UNIMEL
kini
universiti
penuh



6

Legasi
kefe bas
berakhir

12



Kopi
'penjara'
jadi
kegilaan

25



Melaka Week potensi tarik pelaburan, perniagaan RM6.52 bilion



DUBAI - Melaka Week di Expo 2020 Dubai mencatat kejayaan membanggakan apabila berjaya menarik nilai pelaburan dan potensi perniagaan berjumlah keseluruhan RM6.52 bilion.

Nilai itu membabitkan pemeterian lapan memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) selain cadangan pelaburan RM420 juta oleh Lulu Group International, konglomerat dari Emiriah Arab Bersatu (UAE) bagi membuka rangkaian pasar raya serta pusat eksport di Melaka dalam masa tiga tahun.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, selain itu daripada keseluruhan acara padanan perniagaan oleh agensi kerajaan dan perusahaan kecil dan se-derhana (SME) setakat semalam (17 Mac) Melaka berjaya mendapatkan lebih RM500 juta nilai potensi perniagaan.

"Alhamdulillah kerajaan negeri

Melaka sangat bersyukur kerana Melaka Week telah berjalan dengan lancar, mencapai matlamat dan sasaran sebenar.

"Bagi saya ini adalah satu pencapaian cukup baik dan cukup menarik boleh kita banggakan," katanya

pada sidang media bersempena hari terakhir Melaka Week di Expo 2020 Dubai, 18 Mac lalu.

Katanya, sepanjang Melaka Week yang menarik lebih 40,000 pengunjung itu, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan seperti forum,

'business talk', pertukaran memorandum persefahaman dan padanan perniagaan.

Antara MoU yang berjaya dimeterai ialah membabitkan Projek Melaka Gateway yang akan dibangunkan di koridor ekonomi Melaka

Waterfront Economic Zone (M-WEZ).

Katanya, KAJ Development Sdn Bhd selaku pemaju utama projek berkenaan telah menandatangi MoU dan bertukar dokumen perjanjian (MoA) bersama tiga pelabur bagi pembangunan Pulau 1 Melaka Gateway (PME1) dengan nilai RM5 bilion.

Antara yang dimeterai ialah pembangunan taman tematik bertaraf antarabangsa, pembangunan Melaka International Cruise Terminal (MICT) dan membangunkan Zon Bebas Cukai di PME1.

Jelasnya, expo berkenaan turut menyaksikan MoU di antara Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) dan Konsortium Nusa Baiduri untuk mengadakan kajian kemungkinan dan pembangunan ladang solar terapung atas air berkapasiti 150 megawatt di Empangan Durian Tunggal dengan nilai pelaburan sebanyak RM600 juta.

Selain itu, beberapa MoU lain turut dimeterai membabitkan sektor digital, pendidikan, pelancongan dan produk makanan sepanjang Melaka Week.



SULAIMAN (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen memorandum perjanjian antara pemaju Melaka Gateway, KAJ Development Sdn Bhd dan Assetwall Sdn Bhd.

Melaka Gateway bakal jadi 'pintu' pelaburan Asia

DUBAI - Projek Melaka Gateway yang akan diteruskan di tapak Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) dilihat berpotensi menjadi 'pintu' pelaburan Asia yang bakal memangkin pertumbuhan ekonomi Melaka.

Pemaju utama projek berkenaan, KAJ Development Sdn Bhd dalam satu kenyataan berkata, projek yang akan dibangunkan itu juga bakal menjadi pemangkin perniagaan-perniagaan baharu selain berupaya menjadi kawasan pertumbuhan ekonomi serantau.

Jelas kenyataan itu, projek bernilai multibillion Ringgit Malaysia itu juga bakal melibatkan pembangunan bersepudur bertaraf dunia dengan menarik kemasukan pelabur asing.

"Ia juga menawarkan pelbagai bentuk peluang kerjasama yang akan menyaksikan impak ekonomi yang besar bukan sahaja terhadap Melaka bahkan negara dan juga rantau ini," kata kenyataan itu.

Mengulas lanjut KAJ Development berkata, projek berskala megaitu dijangka menarik pelaburan sebanyak lebih RM46 bilion, selain menyumbang lebih daripada RM125 bilion kepada Pertumbuhan Dalam Negeri Kasar (KDNK) Melaka dengan unjuran impak berganda sebanyak RM1.2 trillion.

Malah, untuk pembangunan Pulau 1 (PME1) di Projek Melaka Gateway sahaja, ia berupaya menyumbang lebih daripada RM32.5 bilion kepada KDNK Melaka den-

gan unjuran impak berganda sebanyak RM306.73 bilion.

Pada 15 Mac, KAJ Development telah menandatangi Memorandum Persefahaman (MoU) dan bertukar dokumen perjanjian (MoA) dengan dua pelabur bagi pembangunan PME1 dalam majlis yang berlangsung di Pavilion Malaysia bersempena Melaka Week di Ekspo 2020 Dubai, di sini.

MoU dengan Pihak Berkua Zon Ekonomi Bersepadu Dubai (DIEZ) ditandatangi oleh Pengurusi Eksekutif KAJ Development Datuk Daing A Malek Daing A Rahaman bersama Dr Mohammed Al Zarooni selaku Pengurusi Eksekutif DIEZ untuk membangunkan Zon Bebas Cukai dengan nilai pelaburan RM2 bilion.

Selain itu, dua memorandum perjanjian (MoA) turut ditandatangani; pertama membabitkan pertukaran dokumen bagi pembangunan Terminal Kapal Pelayaran Antarabangsa Melaka (MICT), melibatkan antara syarikat

yang dilantik oleh KAJ Development, MG Velocity Sdn Bhd dengan X Infinity Property Sdn Bhd serta Total Group Berhad.

Dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.5 bilion, MICT yang dijangka siap pada 2025 akan menyediakan kemudahan Kas Tam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), Kompleks Bebas Cukai, hotel mewah serta ruang perniagaan.

Manakala pertukaran dokumen kedua adalah membabitkan pembinaan sebuah taman tema moden bertaraf dunia yang dijangka siap pada 2026.

Projek itu dimeterai antara KAJ Development dan Assetwall Sdn Bhd dengan nilai pelaburan RM1.5 bilion.

Kesemua majlis MoU dan MoA itu telah disaksikan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari dan EXCO Kanan Pelaburan Negeri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.



PROJEK Melaka Gateway yang sedang berjalan di Pulau Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.
21 Mac - 27 Mac 2022 (18 Syaban - 24 Syaban 1443H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
21 Mac 2022	6.08am	7.15am	1.21pm	4.24pm	7.23pm	8.32pm
22 Mac 2022	6.07am	7.15am	1.21pm	4.23pm	7.23pm	8.32pm
23 Mac 2022	6.07am	7.15am	1.20pm	4.22pm	7.23pm	8.31pm
24 Mac 2022	6.07am	7.14am	1.20pm	4.21pm	7.22pm	8.31pm
25 Mac 2022	6.06am	7.14am	1.20pm	4.20pm	7.22pm	8.31pm
26 Mac 2022	6.06am	7.14am	1.19pm	4.19pm	7.22pm	8.31pm
27 Mac 2022	6.05am	7.13am	1.19pm	4.19pm	7.22pm	8.31pm



SULAIMAN berbincang bersama pihak Lulu Group International, konglomerat dari Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang bercadang melabur RM420 juta untuk membuka rangkaian pasar raya dan pusat eksport di Melaka.

LULU bakal melabur RM420 juta di Melaka



A Jalil Hamid

DUBAI - Lulu Group International, konglomerat dari Emiriah Arab Bersatu (UAE), mencadang melabur RM420 juta untuk membuka rangkaian pasar raya dan pusat eksport di Melaka dalam masa tiga tahun.

Ketua Pegawai Operasi Lulu, Saleem V.I, berkata pelaburan tersebut meliputi kos beberapa 'hypermarket' dan pasar raya di seluruh Melaka dalam dua atau tiga tahun akan datang.

Bercakap kepada para wartawan semasa lawatan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali ke pejabat Lulu di sini, beliau berkata pusat eksport itu akan membeli produk pertanian dan lain-lain barang di Melaka untuk dijual ke rangkaian Lulu di seluruh

dunia.

"Untuk Melaka, kita akan melabur sebanyak US100 juta (RM420 juta), bukan hanya rangkaian runcit, tetapi juga pusat logistik untuk mengeksport produk pertanian," katanya.

"Satu tim (team) dari Lulu akan melawat Melaka tidak lamalagi untuk meninjau lokasi yang sesuai," katanya.

Kerajaan Melaka amat mengalu-alukan keputusan Lulu untuk melabur di Melaka bagi membantu membuka peluang pekerjaan dan membawa perubahan kepada lanskap peruncitan di negeri itu.

Sulaiman berkata Melaka adalah destinasi pelaburan yang sesuai untuk Lulu, yang juga menawarkan peluang perniagaan kepada petani dan pengusaha industri kecil dan sederhana.

Lulu sudah merancang membuka 15 rangkaian pasar raya jenama Lulu dalam tempoh tiga tahun akan datang di

seluruh Malaysia.

Sebagai permulaan pada 2021, kumpulan itu membuka empat rangkaian cawangan baharu di Kuala Lumpur, Selangor dan Johor.

Exco Kanan Pelaburan, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata Lulu, yang mempunyai 227 stor runcit di seluruh dunia, memang berminat untuk luaskan operasi ke Melaka.

Beliau berkata pihak Invest Melaka sedang meninjau beberapa lokasi yang sesuai untuk Lulu di Melaka.

"Kerajaan negeri Melaka mengalu-alukan apa yang telah diputuskan dalam perbincangan awal untuk membawa pasar raya Lulu ke Melaka.

"Mereka juga bersungguh-sungguh untuk memperkembangkan perniagaan mereka dan memilih Melaka sebagai salah satu destinasi," katanya.

Lulu memperolehi US8 bilion pendapatan setahun dan mempunyai 57,000 kakitangan di seluruh dunia.

SAMB, Konsortium Nusa Baiduri bangunkan ladang solar terapung

DUBAI - Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) dan Konsortium Nusa Baiduri menjalankan kerjasama bagi melaksanakan kajian kebolehlaksanaan pembangunan ladang solar terapung di negeri Melaka.

Kerjasama itu juga adalah salah satu usaha menyokong hasrat Kerajaan Negeri Melaka ke arah Bandar Teknologi Hijau dan Sifar Karbon 2030.

Pembangunan ladang solar terapung dengan kapasiti 150 megawatt di Empangan Durian Tunggal, itu dijangka membabitkan kos RM600 juta secara berfasa selama 21 tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif SAMB Abd Rashid Ab Rahman berkata, kajian seperti Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA), Laporan Kesan Kualiti Air Empangan, Laporan Keselamatan dan data lain berkaitan perlu diambil kirai sebelum projek dilaksanakan.

Abd Rashid berkata, kajian itu penting dalam memastikan pembangunan dirancang tidak menjejaskan kualiti air yang akan disalurkan kepada penduduk negeri Melaka.

"Jika kajian ini positif kita akan laksanakan pembangunan ladang solar terapung. Pembangunan ini akan mengurangkan kos operasi tenaga elektrik dibekalkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kerana kita menggunakan tenaga solar.

"Ada 11 loji rawatan air beroperasi di negeri ini, perbelanjaan untuk tenaga elektrik meningkat setiap tahun. Lebihan tenaga solar ini kita dapat salurkan juga kepada pemain-pemain industri yang lain di negeri Melaka.

"Kita boleh jual tenaga ini kepada pemain industri lain di negeri Melaka pada harga yang lebih kompetitif," katanya pada sidang media selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara SAMB dan Konsortium Nusa Baiduri di Pavilion Malaysia bersama-sama Melaka Week di Expo 2020 Dubai, 14 Mac lalu.

Majlis menandatangani MoU antara kedua-dua pihak disaksikan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari dan EXCO Kanan Pelaburan Negeri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh di Pavilion Malaysia, bersama-sama Melaka Week di Expo 2020 Dubai.

Beliau berkata, teknologi sama sudah digunakan di China dan beberapa negara ASEAN lain seperti Singapura dan Vietnam yang memanfaatkan kawasan takungan air untuk menjana tenaga solar.

Beliau juga yakin teknologi itu tidak menjejaskan kualiti air, namun mengakui kajian lanjut perlu dilakukan sebelum dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.



MAJLIS menandatangani MoU di antara SAMB dan Konsortium Nusa Baiduri di Pavilion Malaysia bersama-sama Melaka Week di Expo 2020 Dubai.

Meterai MoU transformasi digital, perkasa pendidikan dan pelancongan

DUBAI - Dalam merealisasi transformasi Melaka sebagai negeri digital, Melaka ICT Holdings (MICTH) bersama Microsoft Corporation Malaysia telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) pada Melaka Week di Expo 2020 Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE), 15 Mac lalu.

MoU itu dimeterai bagi menyokong inisiatif transformasi digital negeri, termasuk mempercepatkan sokongan digital dalam pelbagai industri serta memperkasa rakyat dengan kemahiran itu.

Selain itu, bagi sektor pengajian tinggi, MoU telah dimeterai di antara Uni-

versiti Canada Dubai (CUD) dan Universiti Multimedia (MMU) kampus Melaka.

MoU itu bertujuan meneroka peluang kerjasama di antara kedua-dua institusi pendidikan berkenaan.

Ia termasuk membabitkan pertukaran pelajar, ahli akademik dan bukan ahli akademik serta program kerjasama dalam pelbagai bidang seperti teknologi digital dan kerjasama penyelidikan serta latihan yang berkepentingan bersama antara kedua-duanya.

Pada masa sama, bagi sektor pelancongan turut menyaksikan MoU dimeterai

antara Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembangan Malaysia (MATTA) Melaka dan Kumpulan Konsortium Timur Tengah, Global Travel Services bagi merangsang pertumbuhan sektor pelancongan kedua-dua negara.

Selain itu, NRB Food Industries (NRB) yang diwakili Pengarah Urusannya, Raidee Baharum turut menyaksikan MoU dengan 3BUMI Sdn Bhd yang diwakili Pengarah Eksekutifnya, Mohd Silahuddin Jamaluddin.

Hasrat MoU itu adalah untuk memberi peluang perdagangan dan pengeda-

ran produk makanan kepada Majlis Kerjasama Teluk (GCC), Afrika Utara dan Timur Tengah secara amnya.

Pertukaran MoA dan MoU berkenaan disaksikan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali bersama delegasi Kerajaan Negeri Melaka.

Dalam majlis sama, Sulaiman turut melancarkan dua produk keluaran dua syarikat berkenaan iaitu gula Melaka dalam paket keluaran NRB dan pencuci berdasarkan cecair, EcoGuard hasil keluaran Kenanga Suria dan rakan kongsinya di Dubai.



SEKITAR MELAKA WEEK DI EXPO 2020 DUBAI



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dan EXCO Kanan Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh kelihatan ceria dan mesra selepas mengadakan lawatan ke Zon Bebas Cukai Jebel Ali. Peluang berada di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) digunakan sepenuhnya Sulaiman dan Ab Rauf untuk menarik lebih banyak pelaburan pulang ke Melaka selepas kejayaan meraih pelaburan bernilai RM5 bilion pada Melaka Week di Expo 2020 Dubai.



SULAIMAN ketika berkunjung ke Ibu Pejabat Lulu Group International di Dubai yang menyatakan minat untuk membuka cawangan pasar raya besar di Melaka, sekali gus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.



PERSEMBAHAN tarian tradisional Melaka pada Pelancaran Melaka Week di Expo 2020 Dubai di Pavilion Malaysia.



SULAIMAN berucap pada majlis makan malam bersama para kenamaan dan perwakilan Malaysia di sebuah hotel di Dubai.



BERKONGSI detik manis Melaka meraih nilai pelaburan besar pada Melaka Week di Expo 2020 Dubai .



SULAIMAN menggunakan peluang bersiaran menerusi Abu Dhabi TV untuk berkongsi mengenai peluang pelaburan di Melaka sempena Melaka Week di Expo 2020 Dubai.

Pecahkan sampul ilmu untuk terus ke depan - TYT

Siti Salehah

DURIAN TUNGGAL - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) disarankan supaya meningkatkan penyelidikan, pengumpulan dan pemeliharaan ilmu kejuruteraan serta teknologi agar status universiti teknikal pertama di negara terus menjadi pusat rujukan.

Canselornya, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Mohd Ali Mohd Rustam berkata, peranan UTeM yang menjadi institusi rujukan utama sebagai penyumbang solusi terhadap permasalahan industri dan komuniti setempat amat berpadanan.

Beliau yang juga Yang di-Pertua Negeri Melaka berkata, UTeM turut menyumbang kepada peranan dalam pembangunan projek kelestarian komuniti negeri Melaka dengan mempelbagaikan aktiviti dalam pembangunan komuniti.

"Boleh saya katakan, UTeM kini menjadi 'trendsetter' kepada industri, agensi dan banyak organisasi lain serta menjadi pen-

anda aras dalam bidang kejuruteraan serta teknologi maju pada masa ini.

"Dalam konteks pada hari ini, UTeM bertanggungjawab memecahkan sampul serta menggali ilmu baharu bagi menghasilkan penyelidikan dan inovasi agar terus makmur serta terkehadapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Konvokesyen Ke-17 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang turut dihadiri Pro Canselor UTeM Tan Sri Dr Halim Saad dan Datuk Dr Sabirin Ja'afar serta Pengurus Lembaga Pengarah UTeM Datuk Seri Dr Hasim Hasan, 14 Mac lalu.

Menurut beliau, selain berperanan sebagai institusi perkembangan ilmu Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), peranan UTeM juga adalah bagi memastikan graduan mendapat peluang pekerjaan yang baik dan mewujudkan peluang keusahawanan.

"Selain itu peranan UTeM juga membolehkan graduan menjadi majikan atau job creator di samping meninggikan taraf ekono-



TUN Mohd Ali menyampaikan Anugerah Pelajaran Diraja, Pingat Jasa Cemerlang kepada penerima, Muhammad Isa Ishak sempena Majlis Konvokesyen Ke-17 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di Dewan Cancelor UTeM. Foto Iqmal Haqim Rosman

nomi tempatan khususnya di Melaka kerana inilah peranan yang perlu dimainkan.

"Peranan ini haruslah diperkasa dari masa ke masa supaya keberadaan UTeM di bumi bertuah ini terus dinikmati oleh masyarakat setempat selain sayaturut difahamkan pelbagai inisiatif dan projek kolaborasi be-

sama agensi serta industri turut giat dijalankan," katanya.

Terdahulu, pada majlis konvokesyen ini yang berlangsung selama lapan sesi, seramai 3,275 orang graduan dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah, Doktor Kejuruteraan, Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma.

Teroka bidang lebih mencabar demi UTeM



SEKITAR Majlis Konvokesyen Ke-17 UTeM di Dewan Cancelor UTeM, 14 Mac lalu. Foto Iqmal Haqim Rosman

Zaidi dilantik Ahli Lembaga Pengarah UTeM

MELAKA - Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Melaka Datuk Zaidi Johari dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang baharu selama tiga tahun berkuat kuasa 21 Feb 2022 hingga 20 Feb 2025.

UTeM, dalam satu kenyataan pada 16 Mac berkata, pelantikan tersebut bagi mengantikan bekas SUK Melaka Datuk Ts Kamel Mohamed yang telah tamat tempoh pelantikannya sebagai ahli Lembaga Pengarah pada Januari lepas.

"UTeM mengucapkan tahniah atas pelantikan ini dan merakamkan penghargaan serta terima

kasih kepada Datuk Kamel Mohamed atas sumbangan dan jasa yang telah disumbangkan kepada universiti sepanjang tempoh pelantikan sebelum ini," menurut kenyataan itu.

Zaidi merupakan lepasan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Universiti Malaya dan Diploma Pengurusan Awam (INTAN), Agensi Sektor Awam Ma-



ZAIDI

Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1996 sebagai Penolong Setiausaha di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan pernah berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Badan Kawal Selia Air, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.

Pada tahun 2008 hingga 2019, beliau menjawat beberapa jawatan di Pejabat Daerah dan

Tanah di Negeri Sembilan, sebelum dilantik sebagai Pegawai Kewangan negeri, Jabatan Kewangan

dan Perbadanan Melaka pada tahun 2020 seterusnya dilantik sebagai SUK Melaka pada Januari.



KWSP: Pengeluaran khas RM10,000 dibenarkan mulai 1 April

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan kerajaan bersetuju untuk membenarkan rakyat membuat pengeluaran khas wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berjumlah RM10,000.

Katanya, kebenaran itu diberikan setelah mendengar dan mengkaji keluhan rakyat yang ada di antaranya masih terjejas ekoran pandemik COVID-19.

Beliau berkata, walaupun keputusan itu amat berat kerana ia melibatkan simpanan hari tua rakyat, namun ia dianggap jalan tengah untuk mengimbangkan keperluan mendasar hari ini dan masa depan.

"Walaupun kerajaan memberi kebenaran khas pengeluaran KWSP,

namun saya merayu pencarum mengekalakan simpanan mereka kecuali jika keadaan benar-benar mendesak.

"Saya berharap pencarum membuat pertimbangan sewajarnya demi masa depan mereka," katanya dalam satu pengumuman khas yang disiaran secara langsung pada 16 Mac.

Sementara itu, KWSP dalam satu kenyataan berkata pengeluaran kali ini adalah yang terakhir di bawah inisiatif pengeluaran khas.

Menurut kenyataan itu, permohonan untuk pengeluaran khas RM10,000 akan dibuka kepada ahli di bawah umur 55 tahun bermula 1 April 2022.

"Tarikh akhir permohonan adalah pada 30 April 2022 manakala tempoh pembayaran akan dilaksanakan bermula 20 April depan

"Ahli dibenarkan untuk mengekar jumlah maksimum sebanyak RM10,000 dan minimum RM50, serta perlu mengeluarkan baki simpanan dalam Akaun Duamereka dahulu sebelum mengakses simpanan dalam Akaun Satu," kata kenyataan itu.

Kerajaan sebelum ini membenarkan pengeluaran caruman KWSP melalui tiga skim iaitu i-Lestari, i-Sinar dan i-Citra berjumlah RM101 bilion, melibatkan 7.34 juta pencarum sejak pandemik COVID-19 melanda negara dua tahun lepas.

Tiga program pengeluaran khas KWSP itu merupakan pengeluaran pra-persaraan yang diperkenal sebagai langkah sementara bagi membantu kelangsungan hidup ahli dalam menempuh impak pandemik COVID-19 semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



PERMOHONAN pengeluaran khas KWSP dibuka mulai 1 April 2022.

Onn Hafiz Menteri Besar Johor ke-19

JOHOR BAHRU - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap Datuk Onn Hafiz Ghazi pada 15 Mac lalu mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar ke-19 susulan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor.

Beliau yang bersongkok, berbaju Melayu Teluk Belanga berwarna hitam serta lengkap bersampin mengangkat sumpah di hadapan Sultan Johor Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar di Balai Mengadap Istana Bukit Serene di sini.

Berangkat sama, Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan Pengurus BN Johor Datuk Hasni Mohammad.

Istiadat Penyerahan



ONN Hafiz pada Istiadat Penyerahan Surat Tauliah dan Pengisytiharan Pelantikan Menteri Besar Johor Ke-19. Foto: Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar

Surat Tauliah dan Pengisytiharan Pelantikan Menteri Besar Johor itu dimuat naik di laman sosial Facebook

Sultan Ibrahim yang turut memaparkan 16 keping gambar upacara berkenaan.

Pada PRN Johor ke-15,

Onn Hafiz, 44, memenangi pertandingan empat penjuru menewaskan Azlisham Azahar daripada Perikatan Na-

sional (PN), R Sanganan (Parti Ikatan Demokratik Malaysia) dan Datuk Dr Sharuddin Md Salleh (Parti Perjuangan Tanah Air) dengan majoriti 6,543.

Beliau yang merupakan cicit kepada pengasas dan Presiden UMNO Allayahham Datuk Onn Jaafar, pernah dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan pada 6 Mac 2020 sehingga DUN dibubarkan pada 22 Jan lepas.

Memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada University of Hertfordshire, United Kingdom, beliau juga pernah menjadi Setiausaha Politik Menteri Pertahanan



Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein pada 2013 hingga 2018.

Pada PRN Johor 12 Mac lalu, BN menang dengan memperoleh lebih dua pertiga majoriti

majoriti, memenangi 40 kerusi daripada 56 kerusi DUN yang dipertandingkan.

Sementara itu, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali turut merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan itu.

Beliau mewakili suara Kerajaan Negeri Melaka berharap jalinan kerjasama erat di antara Melaka dan Johor sebagai sebuah negeri berjiran dapat dipereratkan bersama kepimpinan baharu itu nanti. - BERNAMA

UNIMEL terima perakuan universiti penuh

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Universiti Melaka (UNIMEL) secara rasmi menerima perakuan universiti penuh di bawah Akta Pendidikan Universiti Swasta pada 15 Mac lalu.

EXCO Pendidikan Negeri Datuk Rais Yasin dalam satu kenyataan merakamkan ucapan tahniah di atas pengiktirafan tersebut.

Beliau turut berharap usaha mentransformasi Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) menjadi universiti penuh yang dikenali UNIMEL itu akan memacu kegemilangan pendidikan di negeri ini.

"Sekalung penghargaan diberikan buat Prof Dr Abdul Razak Ibrahim dan seluruh pengurusan kanan UNIMEL atas

kejayaan yang cemerlang ini.

"Semoga UNIMEL terus memacu kecermerlangan dalam bidang pengajaran tinggi di Melaka.

"Pihak kerajaan negeri akan sentiasa memberikan sokongan penuh atas setiap usaha gigih UNIMEL untuk terus melakar kejayaan di masa akan datang," katanya dalam kenyataan di laman Facebook.

Untuk rekor, UNIMEL yang pada asalnya KUIM telah ditubuhkan pada 1994 menjadi sebuah institusi pengajaran tinggi milik kerajaan Melaka.

Kini UNIMEL telah mempunyai kampus pengajaran tetap, tenaga pengajar berpengalaman dalam pelbagai bidang, infrastruktur dan prasarana yang lengkap bersesuaian dengan tarafnya sebagai universiti penuh.



RAIS (kiri) menunjukkan perakuan universiti penuh yang diterima UNIMEL di bawah Akta Pendidikan Universiti Swasta.

HAK MILIK KEKAL

20' x 70' Untuk Bumiputera Sahaja

RUMAH TERES 2 TINGKAT

MOLEK RESIDENCE

Watch Interior 360° view >>
<https://molekresidence.weebly.com/>

DIBUKA UNTUK JUALAN

06-337 3333

2.2282773, 102.3281568

Satu lagi projek berprestij oleh:

Pemaju: **PADUWAN REALTY SDN BHD** 81420-H **PB REALTY™**

• No. lesen Pemaju Perumahan : 12412-9/11-2023/08/6(L) • Tempoh Sah : 30/11/2021 hingga 29/11/2023 • No. Permit Iklan & Jualan : 12412-9/11-2023/08/6(P) • Tempoh Sah : 30/11/2021 hingga 29/11/2023 • Pihak Yang Meluluskan Pelan : Majlis Perbandaran Hang Tush Jaya • No Rujukan : MPHTJ/603/08/2019/13 • Tarikh Jangka Siap : Nov. 2023 • Pegangan Tanah : Hak Milik Kekal • Bebanan Tanah : RHB Bank Berhad • Harga Jualan dan Jumlah Unit : RM439,000.00 min. RM710,500.00 maks. (152 unit)

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

KRUBONG HEIGHTS
HAK MILIK KEKAL

Untuk Bumiputera Sahaja

20' x 70'

Rumah Teres 2 Tingkat

4 Bilik Tidur | 3 Bilik Air

06. 337 3333 www.pbrealty.com.my

012. 601 0486 Vinz Lee
012. 638 4496 Yen
012. 698 6255 Kelly Ong
012. 667 0833 Sara Siow
012. 618 7922 Zura
012. 661 1682 Tammy Ong
012. 606 8195 Sylvia Chew
012. 733 0165 Elynn Un
012. 606 3165 Edwin Chan
012. 631 6670 Aqilah
017. 692 5087 Aiman

Keharmonian tercipta disini...

Taman Krubong Heights merupakan bandar bersepada yang terulung. Berlokasi di persekitaran yang strategik dan indah. Hartanah unggul yang berprestij dan selektif ini dapat memenuhi citarasa gaya hidup anda.

Watch Interior 360° view >>
<https://krubongheights-bumi.weebly.com/>

Pemaju: **PB REALTY SDN BHD** 338851-D

No. 1B, Wisma PB Realty, Jalan PK 8,
Taman Perindustrian Krubong,
75260 Melaka. Fax: 06.336 5678 www.pbrealty.com.my

NO2 - TANJUNG BIDARA

Bantuan sekolah, gunting rambut percuma ringankan beban ibu bapa

Fiqa Jamal

TANJUNG BIDARA - Seiring objektif Program Back To School untuk mengurangkan beban ibu bapa dalam menyediakan persiapan anak-anak kembali ke sekolah, 160 pelajar sekolah menerima bantuan persiapan persekolahan, baru-baru ini.

Rata-rata ibu bapa menarik nafas lega dengan program anjuran JAPERUN Tanjung Bidara itu kerana tidak perlu membeli perkakas persekolahan, di samping turut menyediakan khidmat gunting rambut percuma.

Buat bapa kepada empat anak yang bersekolah, Mohamad Faizal Harun, 41, berkata dia dan isteri sangat bersyukur kerana pemimpin setempat tidak lokek dengan pelbagai program 'meringankan beban' lebih-lebih lagi apabila menjelang musim kembali ke sekolah.

"Program ini sangat bagus, untuk ibu bapa yang terjejas dalam keadaan pandemik ini, hari ini saya ambil peluang bawa kesemua anak saya yang berusia 12, 9, 7 dan 5 tahun ke sini untuk potong rambut.

"Sementara menunggu untuk menerima ban-

FOKUS DUN

tuan persekolahan berupa beg dan pakaian sekolah serta kelengkapan alat tulis, potong rambut dahulu di khemah yang disediakan, jimat masa dan jimat kos," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Nada sama turut disuarakan Nur Azian Zulkifli, 38, katanya dia tidak perlu untuk membeli lagi pakaian dan alat tulis untuk anaknya kembali ke sekolah fizikal tidak lama lagi.

"Banyak sangat kita ibu bapa dapat berjimat, program seumpama ini wajar diteruskan kerana bukan sahaja dapat meringankan bebanan tapi dapat juga khidmat gunting rambut percuma, tak perlu lagi keluar mencari kedai gunting rambut, disediakan di sini."

"Sistem kupon yang digunakan di sini juga lebih sistematis dan teratur," katanya.

Dalam pada itu, Setiausaha JAPERUN Tanjung Bidara, Ahmad Warid Ismail berkata program tersebut bertujuan meringankan bebanan ibu bapa yang terkesan dalam pandemik COVID-19.

Kesemua pelajar dan murid dipilih oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Komuniti Kampung (JPKK) dari 14 kampung di bawah DUN Tanjung Bidara.



PROGRAM gunting rambut percuma yang disediakan JAPERUN Tanjung Bidara.

Manfaatkan kemahiran untuk jana pendapatan

AYER LIMAU - JAPERUN Ayer Limau menganjurkan Program Keusahawanan Wanita Muda bagi membantu dan menggalakkan golongan menjana pendapatan khusus dalam pembuatan kuih raya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer berkata, program membabitkan 20 peserta itu dianjurkan dengan kerjasama Kolej Komuniti Masjid Tanah.

"Kursus pendek satu hari ini diharap dapat menambah dan memantapkan lagi pengetahuan peserta membabitkan aspek pembuatan kuih serta cara pembungkusan kerana ada dalam kalangan mereka sudah berpengalaman."

"Kemahiran dipelajari boleh digunakan untuk menjana pendapatan dengan menjual kuih raya pada sambutan Aidilfitri akan datang," kataanya ketika hadir ke program itu yang berlangsung 13 Mac lalu.

Beliau berkata, setiap peserta juga menerima sijil yang mengiktiraf penyertaan mereka dalam kursus jangka pendek itu.

Hameed berkata pihaknya merancang untuk menganjurkan lebih banyak lagi proram yang memberi nilai tambah dan manfaat kepada penduduk di Dewan Undangan Negeri Ayer Limau.



HAMEED bersama peserta mengikuti kursus pembuatan kuih di Kolej Komuniti Masjid Tanah

NO1 - KUALA LINGGI

Hantar kit makanan tak kira musim



ROSLI menyampaikan sumbangan kepada penerima OKU.

Salman Hamat

KUALA LINGGI - Usaha meringankan beban rakyat dilakukan secara berterusan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi, Rosli Abdullah tanpa mengira musim.

Beliau berkata, terbaru pihaknya menyampaikan kit makanan kepada 10 keluarga membabitkan ibu tunggal, warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Linggi.

"Selain menyerahkan kit makanan, peluang yang ada turut digunakan untuk mendengar permasalahan penduduk sekitar DUN Kuala Linggi.

"Sebarang permasalahan akan diambil maklum dan disusuli dengan tindakan oleh agensi atau jabatan yang berkenaan," katanya.

Menurutnya, peranan pemimpin tempatan seperti Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) amat penting dalam memastikan golongan memerlukan tidak keciciran dalam menerima bantuan.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316

KETUA KUNDUNGAN
MOHD SALMAN HAMAT
Salmanhamat@melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL
FARAH SUHAIDAH OTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

PENGARANG
MOHD FAZRUL ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.my

JURUFOTO
AZREN JAMILUDIN
m.azren86@gmail.com

WARTAWAN

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.my

LIANA SAHABUDIN
illyann90@melakaharlini.my

JURUFOTO
IQMAL HAQIM ROSMAN
iqmalhaqimrosman@gmail.com

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@melakaharlini.my

SITI SALEHAH AL-QADRAWI
sitisalehah@melakaharli

IT SUPPORT

PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT

ABDUL JALIL JAMAR
abduljaliljamar@gmail.com

MARKETING
& ADVERTISING EXECUTIVE
SARAH AIDA ABD HADI
sarahaida@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI

amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936

SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDZIR
khaliddah@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS

izraihanah363@gmail.com

JURUVIDEO
MOHD ZAIDI YAACOB
drzack35@gmail.com

MELAKA TV

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAIKAL

farishalkal.zakaria@m
melakaharlini.my

JURUVIDEO
MOHD ZAIDI YAACOB
drzack35@gmail.com

JURUVIDEO & PENYUNTING VIDEO

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI

aufalzzati98@m
elakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@m
elakaharlini.my

HASBULLAH BIN AZHAR
burneskoabar@gmail.com

NO4 - LENDU

Susu bayi, kit makanan untuk warga Lendu

Fiqah Jamal

LENDU - Sebanyak 84 pak susu tepung rumusan bayi, cecair pembasmi kuman dan makanan kering diberikan kepada Dewan Undangan Negeri (DUN) Lendu untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan dalam kawasan itu.

Menurut Pegawai Perhubungan Kebajikan dan Operasi Ketua Menteri Mohd Jamian Maram berkata sumbangan terbabit diberikan oleh badan bukan kerajaan (NGO) Persatuan Kebajikan Bahagia.

Katanya, sumbangan yang diberikan itu bagi meringankan bebanan golongan yang kurang berkemampuan dan memerlukan.

"Kita terima tujuh karton susu tepung rumusan bayi, yang mana keseluruhanya 84 pak susu, dan cecair pembasmi kuman atau hand sanitizer untuk diberikan kepada golongan yang kurang mampu dalam kawasan DUN Lendu ini."

"Selain itu kita juga menerima beberapa karton biskut sebagai bahan sampingan untuk diberikan dalam kit makanan kepada mereka (golongan memerlukan)," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu, Mohd Jamian berkata, pihak JAPERUN Lendu masih giat memberikan kit makanan kepada golongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

"Untuk minggu ini sahaja, pihak JAPERUN Lendu telah menghantar kepada 10 rumah dan penyerahan kit ini giat kita laksanakan buat golongan yang didapati positif dan kuarantin kendiri di rumah setiap minggu," katanya.



TUJUH karton susu tepung rumusan bayi dan cecair pembasmi kuman diberikan oleh Persatuan Kebajikan Bahagia kepada DUN Lendu untuk diagihkan kepada golongan rentan dalam kawasan terbabit.

NO6 - REMBIA

555kg barang lusuh ditukar jadi duit

Mohamad Fazrul Abdul Majid

REMBIA - Program Trash to Cash yang diadakan di Balai Raya Rembia, baru-baru ini berjaya mengumpulkan sejumlah 555 kilogram (kg) sisa fabrik dan barang kitar

semula daripada penduduk setempat.

Jumlah itu merangkumi 367.2kg barang kitar semula dan 188kg sisa fabrik dengan nilai belian berjumlah RM 136.60.

Program anjuran Perba-

danan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Melaka dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan PBT dan penduduk setempat itu mendapat sambutan cukup menggalakkan daripada orang ramai sejak jam 8 pagi lagi.

Pengisian dalam program tersebut ialah aktiviti pengumpulan barang kitar semula secara Trash To Cash, yang mana barang yang dihantar akan ditimbang dan dibayar mengikut kadar ditetapkan.

Antara barang yang boleh dijual ialah minyak masak terpakai dengan harga RM 1.00 hingga RM 1.80 per kg.

Selain itu barang kitar semula seperti botol plastik, aluminium, besi, kertas kotak dan e-waste dibeli pada harga RM 0.15-Rm3.20 per kg bergantung kepada jenis barang, manakala fabrik terpakai pula dibeli pada harga RM 0.10 per kg.

Untuk rekod, program Trash to Cash diadakan pada setiap bulan dengan menyasarkan setiap komuniti, sekolah dan institusi mengambil bahagian dalam menggalakkan amalan kitar semula di negeri Melaka.



MENIMBANG fabrik terpakai dalam Program Trash To Cash di Balai Raya Rembia.

NO5 - TABOH NANING



ZULKIFLEE menyampaikan surat pelantikan dalam majlis berlangsung di JAPERUN Taboh Naning.

Pelantikan baharu lancarkan aktiviti masjid, surau

Salman Hamat

TABOH NANING - Pelantikan baharu pengurus masjid dan surau dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Taboh Naning diharap dapat melancarkan lagi pengurusan serta aktiviti institusi itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taboh Naning Zulkiflee Mohd Zin berkenan, pelantikan itu membabitkan pengurus

lapan masjid dan 23 surau dalam DUN berkenaan.

"Menjelang bulan Ramadhan tidak lama lagi pasti banyak aktiviti dirancang, jadi pelantikan baharu ini amat kena pada masanya."

"Saya berharap semua pengurus dilantik dapat menjalankan amanah diberikan dengan sebaik mungkin," katanya pada Majlis Penyampaian Surat Pelantikan dan Penghargaan Kepada Pengurus Masjid dan

Surau Dalam DUN Taboh Naning di Kompleks JAPERUN Taboh Naning 9 Mac lalu.

Hadir sama pada majlis itu Timbalan Ketua Agama Islam Daerah Ustaz Hashemi Rafsanjani Kasim; Penyelaras Masjid Parlimen Masjid Tanah, Haizat Turi; Imam Parliment Masjid Tanah, Ustaz Asyrizat Bin Pattah Akhir dan Imam DUN Taboh Naning Ustaz Mohamad Idris Abdul.

N07 - GADEK

Ada berita gembira untuk orang Gadek



SHANMUGAM sentiasa cakna dengan pembangunan di DUN Gadek demi kesejahteraan rakyat.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

GADEK - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gadek V P Shanmugam memberi bayangan satu projek baharu akan dibangunkan di kawasan itu tidak lama lagi.

Katanya, projek besar tersebut bakal membawa limpahan manfaat kepada rakyat di Dewan Undangan Negeri (DUN) Gadek.

"Perkarai itu (projek baharu) memang sudah ada dalam perancangan, tetapi saya belum mahu umumkan lagi."

"Mungkin dalam sebulan dua jika sudah dapat keputusan saya akan maklumkan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Beliau berkata, selain projek tersebut, pihaknya juga akan menaik taraf kemuda-



han sukan untuk belia di kawasan itu.

Ia termasuklah gelanggang sepak takraw, futsal dan fasiliti sukan lain di Gadek.

Beliau yang juga EXCO Belia dan Sukan Negeri turut memaklumkan janji 100 hari yang memberi penekanan kepada golongan belia telah direalisasikan menerusi kewujudan Relax Corner di empat lokasi di setiap daerah.

Katanya, empat lokasi itu ialah di Leypark Station Ayer Keroh, Bazar Kota-lokal Dataran Pahlawan, Dataran Keris Alor Gajah dan Laman Budaya Jasin.

"Di empat tempat ini, anak muda boleh berkumpul dan melakukan pelbagai aktiviti untuk menyerlahkan bakat dan potensi mereka, selain boleh mengeratkan silaturahim," katanya.

N08 - MACHAP JAYA



PERBINCANGAN bersama JPKK dan JPKKB Machap Jaya di pejabatnya mengenai penambahbaikan infrastruktur dan sistem perparitan kawasan itu.

Naik taraf sistem perparitan, elak banjir kilat

Farah Suhaidah Othman

MACHAP JAYA - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap Jaya, Ngwe Hee Sem memohon Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengambil tindakan terhadap sistem perparitan di Machap Jaya bagi mengelakkan banjir kilat di kawasan itu.

Hee Sem berkata, beliau mengambil berat terhadap keluhan rakyat yang mengadu sistem perparitan di kawasan yang tidak berfungsi dengan baik menjadi antara punca berlaku banjir kilat di kawasan kendaliannya.

Berikut itu katanya, beliau mengadakan pertemuan serampang dua mata bersama penduduk setempat bagi memastikan keluhan mereka didengari.

"Perbincangan bersama di setiap Jawatankuasa Pembangunan dan Kesela-

matan Kampung (JPKK) dan Jawatan Kuasa Pembangunan Keselamatan Kampung Baru (JPKKB) mengutarakan mengenai sistem perparitan di kawasan Machap Jaya yang mengakibatkan banjir kilat.

"Dalam perbincangan itu, kawasan yang paling terjejas adalah Taman Pengkalan Indah dan Taman Kejora. Jadi, kita akan mohon PBT ambil tindakan segera," katanya.

Dalam pada itu, Hee Sem berkata, pembinaan masjid di kawasan itu dalam proses mendapatkan pengambilan tanah daripada pemilik tanah.

"Setakat ini, Yang Berhormat Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali sudah bersetuju, dan kita dalam proses meminikan surat pengambilan tanah daripada pemilik perseorangan," katanya.

N09 - DURIAN TUNGGAL

Medan penjaja Durian Tunggal berwajah baharu

DURIAN TUNGGAL - Medan Penjaja Durian Tunggal kini berwajah baharu selepas selesai dinaik taraf oleh pihak Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Durian Tunggal Zahari Abd Kalil berkata, operasi medan penjaja itu akan bermula dalam masa terdekat.

"Saya hadir bersama MPHTJ menyerahkan projek naik taraf Medan Penjaja Durian Tunggal dan penyerahan kunci kepada peniaga yang akan memulakan operasi perniagaan dalam masa yang terdekat.

"Tahniah dan syabas kepada pihak yang

terlibat serta selamat berniaga semula buat penjaja kita yang akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat di kawasan Pekan Durian Tunggal," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mengadakan lawatan ke Kompleks Madrasah Tahfiz Darul Tholabah Al Huffaz berhampiran Kampung Beringin.

Dalam lawatan itu, beliau sempat menyantuni 14 anak tahfiz yang menduduki madrasah yang telah setahun beroperasi itu.

"Moga anak-anak syurga ini dipermudahkan urusan hafalan dan berjaya menjadi seorang huffaz yang berjaya dunia dan akhirat," katanya.



ZAHARI (tengah) ketika melawat Medan Penjaja Durian Tunggal yang kini berwajah baharu.

Perjuang PPR di Paya Rumput

N13 - PAYA RUMPUT



RAIS ketika menghadiri Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat di Masjid As-Solihin Paya Rumput, baru-baru ini.

Fiqa Jamal

PAYA RUMPUT - Ekoran penambahan penduduk dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Rumput, sebuah Program Perumahan Rakyat (PPR) bakal diperjuangkan di kawasan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput, Datuk Rais Yasin berkata, ia merupakan sebahagian daripada pelan jangka panjang DUN berkenaan demi kesejahteraan rakyat.

Beliau berkata, perkara itu akan dibawa ke peringkat perbincangan bersama EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri serta pihak Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Katanya, sebelum ini beliau difahamkan PPR Cheng telah diluluskan dan bakal dibina, namun atas sebab-sebab tertentu ia telah dibatalkan.

"Saya turut difahamkan tanah untuk membina PPR Cheng ini sudah tersedia, namun dibatalkan sebelum Pilihan Raya Umum ke-14."

"Dan kita akan bangunkan PPR Cheng ini bagi menampung penduduk yang semakin ramai dalam kawasan Paya Rumput ini."

"Kalau dahulu pengundi sahaja dianggarkan 26,445 namun kini telah mencecah hampir 40,000 pengundi, itu baru pengundi, bagaimana pula dengan penduduk? sudah pasti lebih dari itu," katanya kepada Melaka Hari Ini.

**FOKUS
DUN**

N10 - ASAHLAN

Mohon FELDA segera selesai isu banjir

ASAHLAN - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan, Fairul Nizam Roslan meminta pihak Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) menyegerakan pelantikan kontraktor bagi mengatasi isu banjir yang berlarutan di Felda Tun Ghafar Bukit Senggeh, di sini.

Katanya, isu banjir di situ berlaku sejak empat tahun dan menjelaskan penduduk di kawasan itu berpunca dari sistem perparitan yang kecil.

Ujarnya, sebanyak 10 rumah penduduk yang terjejas akibat banjir setiap kali hujan lebat.

"Penduduk di sini rata-rata sudah berusia dan kebanyakan bukan dalam kalangan orang senang, jadi setiap kali hujan lebat penduduk disini terpaksa mengharungi pelbagai kepayahan disebabkan banjir yang tiada berkesudahan."

"Punca banjir di sini adalah disebabkan limpahan air dari longkang yang tersumbat dan tidak mampu menampung kuantiti air yang banyak."

"Masalah ini telah lama berlaku, sejak empat tahun lalu dan saya pun telah adukan isu ini ke pengetahuan Pengurus FELDA dan alhamdulillah pihak FELDA telah meluluskan peruntukan."

"Namun saya berharap agar pihak FELDA dapat segerakan pelantikan kontraktor bagi mengatasi isu ini dengan kadar segera dan berkesan bagi kemaslahatan penduduk dalam kawasan itu," katanya kepada Melaka Hari Ini.



FAIRUL Nizam ketika melawat dan mendengar luahan penduduk penduduk yang terkesan akibat banjir di FELDA Tun Ghafar Bukit Senggeh, Asahan, baru-baru ini.

N12 - PANTAI KUNDOR



TUMINAH (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan beg dan peralatan ke sekolah kepada anak-anak kurang berasib baik di Surau Solok Tangga Batu.

Anak yatim ceria kembali ke sekolah

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PANTAI KUNDOR - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor Tuminah Kadi bersama jawatankuasa Surau Solok Tangga Batu telah menyantuni anak yatim sempena pembukaan sesi persekolahan 2022 tidak lama lagi.

Dalam majlis 'Kembali Ke Sekolah' yang diadakan pada 13 Mac di surau berkenaan, seramai 22 anak yatim di kawasan itu telah diberikan sumbangan berupa beg dan peralatan sekolah.

Selain itu, menurut Tuminah, kanak-kanak kurang berasib baik itu turut diberikan sumbangan berupa wang ihsan.

"Tujuan diadakan majlis ini adalah bagi meringankan beban tanggungan keluarga yang mempunyai ramai anak dan anak yatim di sekitar DUN Pantai Kundor."

"Terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada semua yang membantu lancarkan majlis ini khususnya jawatankuasa surau begitu juga Pengurus JPKK (Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung)."

"Semoga sumbangan ini dapat menceriakan anak-anak yang bakal kembali ke sekolah tidak lamalagi," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu, Tuminah berkata, selain penyampaian sumbangan sekolah dalam majlis sama turut diadakan ceramah Israk Mikraj di surau berkenaan.

N14 - KLEBANG

'Kafe Bas' Klebang tinggal sejarah



KREN digunakan untuk mengalihkan 'Bus Cafe' yang akan dilupuskan ke-tika tinjauan di Dataran 1 Malaysia, Klebang. Foto: MR. Azli

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KLEBANG - 'Kafe Bas' yang dahulunya pernah menceriakan suasana Dataran 1 Malaysia Klebang kini hanya tinggal sejarah selepas semuanya bakal dilupuskan tidak lama lagi.

Tindakan itu dilakukan susulan aduan orang ramai yang kecewa melihat keadaan kawasan itu yang terbiar usang dan menjadi tempat pembuangan sampah.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Klebang Besar Datuk Mohd Yusof Abu Hasan, lapan bas ikonik Melaka yang di-tempatkan di situ untuk dijadikan kafe sebelum ini tidak lagi berfungsi seperti diharapkan.

Sebaliknya, bas berkenaan hanya dijadikan stor penyimpanan barang oleh sebahagian penjaja dan tidak dijaga dengan baik sehingga kawasan itu mencatutkan pemandangan Klebang yang terkenal sebagai lokasi tumpuan pelancong tiap hujung minggu.

"Saya telah berhubung deng-

an EXCO Kerajaan Tempatan (Datuk Zaidi Attan) berhubung perkara ini dan alhamdulillah pihak Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) akan memulakan kerja pelupusan bas ini dengan kadar segera.

"Kita terpaksa memohon tindakan itu dilakukan kerana situasi di kawasan ini bertambah buruk saban hari sehingga kawasan bas yang ada dijadikan sarang maksaat, penyalah gunaan dadah dan lebih buruk menjadi tapak pembuangan sampah."

"Kita mahu kawasan ini yang terkenal sebagai lokasi tumpuan pelancongan dijaga sebaiknya demi menjaga imej Melaka yang bersih dan sebuah bandaraya mampan berteras teknologi hijau," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan ke tapak penjaja di Dataran 1 Malaysia, sini, 15 Mac lalu.

Sementara itu, seorang peniaga, Hisyam Husin, 45 yang menyuarakan harapan agar pihak MBMB dapat membangunkan sebuah tapak perniagaan baharu

yang lebih sistematik di kawasan itu.

Dia yang juga Pengerusi Persatuan Peniaga Dataran 1 Malaysia Klebang berkata, pembinaan tapak perniagaan itu perlulah lebih kukuh dan tidak bergantung kepada khemah kanopi seperti sebelum ini.

"Kita mahukan tapak perniagaan yang lebih kukuh kerana sebelum ini peniaga di sini berdepan ancaman ribut sehingga merosakkan khemah dan mengikatkan kerugian."

"Ini kerana kawasan ini berada di pesisir pantai dan di tapak terbuka, jadi adalah lebih baik jika satu tapak perniagaan yang lebih kukuh dapat dibangunkan," kata dia.

Untuk rekod, perancangan membangunkan 'Kafe Bas' dan 'Bustel' menggunakan konsep bas-bas awam ikonik Melaka suatu ketika dahulu, telah bermula sekitar tahun 2012.

Namun, atas sebab-sebab tertentu, Bustel telah ditutup sepenuhnya sekitar tahun 2017.

FOKUS DUN

N15 - PENGKALAN BATU

Kak Som sumbang khemah bantu usahawan wanita

Siti Salehah

PENGKALAN BATU - Prihatin dengan nasib penduduk setempat yang memerlukan bantuan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu Datuk Kal-Som Nordin menyumbangkan tiga khemah kepada usahawan.

Khemah itu disumbangkan beliau kepada tiga usahawan wanita sebagai persiapan untuk bermula menjelang Ramadan yang akan tiba tidak lama lagi.

"Saya dimaklumkan mereka bertiga memerlukan bantuan khemah ini untuk bermula pada Ramadan nanti jadi saya hantarkan kepada mereka."

"Khemah ini dianggap bernilai hampir RM200 setiap satu dan diharap dengan sumbangan ini dapat meringankan persiapan untuk mereka bermula mencari pendapatan nanti," katanya yang mesra dengan panggilan Kak Som.

Beliau yang juga EXCO Wanita berkata, di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Batu juga aktiviti Ziarah Kasih giat dijalankan kerana ini adalah ruang untuk mendekati dan menyelami apa yang dihadapi penduduk.

"Dapat sahaja maklumat kita akan pergi ke rumah penduduk untuk Ziarah Kasih disamping menyampaikan sedikit sumbangan bagi meringankan beban."

"Yang terbaru ini saya berkesempatan melakukan Ziarah Kasih ke enam rumah penduduk antaranya wanita yang menghidap angin ahmar," katanya.



KALSON menyerahkan sumbangan khemah kepada usahawan wanita di DUN Pengkalan Batu.

N18 - AYER MOLEK

Masalah banjir hampir temui noktah



RAHMAD mempengurusan Taklimat Projek RTB Sungai Duyong di Kompleks JAPERUN Ayer Molek, baru-baru ini.

AYER MOLEK - Musibah banjir yang kerap melanda beberapa kawasan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Molek hampir menemui titik noktah dengan bermulanya projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Duyong.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek Datuk Rahmad Mariman berkata, projek bernilai RM117 juta itu semakin hampir direalisasikan.

Ia selepas beliau yang juga EXCO Pengurusan Banjir Negeri mempengurusan Taklimat dan Perbincangan Pelaksanaan Kerja Projek RTB Sungai Duyong di Kompleks JAPERUN Ayer Molek, baru-baru ini.

"Apa yang kita dampakan akhirnya terlak-

sana juga. Syukur dan terima kasih."

"Semoga ia (RTB Sungai Duyong) dapat menyelesaikan isu banjir di Kandang, Desa Molek, Taman Ayer Molek, Demang Sri Molek, Pengkalan Minyak, Solok Gaung, Tambak Paya, Tuah Perdana dan Busut Licin."

"Selain itu, projek itu juga bakal memberi manfaat kepada sebahagian kawasan di Duyong, Tehel dan Bemban," katanya dalam satu hantaran di Facebook.

Taklimat tersebut turut dihadiri Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Abdul Hakim Hamzah, jurutera projek, konsultan, kontraktor, Ahli Majlis dan pemimpin se-tempat.



N25 - RIM

Kampung Rim perlukan jambatan baharu

FOKUS DUN



Liana Sahabudin

RIM - Tidak hanya memfokuskan kestabilan politik dalam mencapai pemuliharaan ekonomi negara, tugas menjadi seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) tidak pernah dilupakan demi kelangsungan hidup rakyat di negeri ini.

Itu pegangan ADUN Rim, Datuk Khaidirah Abu Zahar yang tidak pernah lepas tangan jika menerima aduan atau permasalahan khususnya dari penduduk di Dewan Undangan Negeri (DUN) tersebut.

"Semalam (11 Mac) sempat juga untuk turun ke Kampung Rim dan melawat tapak jambatan yang roboh akibat banjir kilat.

"Saya terus hubungi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mempercepatkan pembaikan bagi memudahkan urusan masyarakat setempat yang menggunakan jambatan ini," katanya dalam satu hantaran di Facebook rasminya.

Terdahulu Khaidirah turut berkesempatan ke Sekolah Kebangsaan (SK) Chenderah yang terkesan akibat banjir kilat.

Turut bersama beliau Guru Besar SK Chenderah, Ustaz Saidi Sulaiman serta Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG) SK Chenderah, Abu Kher Ahmad.

Pada lawatan itu Khaidirah sempat melihat beberapa fasiliti di sekolah berkenaan yang telah rosak akibat banjir dan pihaknya akan memohon bagi membaik pulih kerusakan melalui proses yang ditetapkan.

KHAIDHIRAH menunjukkan keadaan jambatan yang roboh akibat banjir kilat di Kampung Rim.

N21 - DUYONG

Berjariahlah bantu anak kariah

Siti Salehah

DUYONG - "Buatlah aktiviti dan kembali berjariah kepada anak kariah," itu pesanan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong Mohd Noor Helmy Abdul Halem, kepada pihak masjid dikawasan itu.

Menurutnya, pihak masjid hendaklah berbelanja duit infaq dan bukannya dibenarkan tersimpan di dalam akaun bank masjid begitu sahaja dengan tidak membuat sebarang aktiviti.

"Pasti nanti sumbangan yang lebih besar akan diterima kembali

apabila pihak masjid kembali berjariah kepada anak kariah," katanya dalam ucapan perasmian Program 'Smart Solat' yang diadakan di Masjid Laksamana Hang Tuah, Duyong, baru-baru ini.

Menurut Mohd Noor Helmy, 'Smart Solat' antara inisiatif diadakan dalam mengimarahkan masjid selain dapat berkongsi serta berosal jawab berkaitan kefahaman solat.

"Walaupun pertama kali diajukan sambutan diterima dalam kalangan masyarakat amat menggalakkan apabila pada siri pertama 130 yang hadir manakala pada siri kedua 120 orang serta nyata.

"Kehadiran amat memuaskan apabila kehadiran diterima daripada pelbagai peringkat umur termasuk kanak-kanak," katanya.

Mengulas lanjut, beliau yang lebih mesra dengan panggilan Mat berkata, pada Ramadan nanti pihaknya ada menyediakan sejumlah peruntukan bagi masjid dan surau bagi aktiviti imarahkan masjid.

"Malah untuk menarik jemaah Subuh ke masjid penggerui Masjid Al Wahhab juga kini dalam perancangan untuk memberi RM5 setiap jemaah subuh, ianya sebagai duit poket di sekolah," katanya.



ADUN DUYONG menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta Program Smart Solat di Masjid Laksamana Hang Tuah, Duyong.

N23 - TELOK MAS

Kerap turun padang, penduduk ucap terima kasih

TELOK MAS - "Terima kasih Datuk atas sokongan, dorongan dan bantuan kepada kampung kami," itu antara tanda ucapan terima kasih penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) Telok Mas, kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan itu Datuk Abdul Razak Abdul Rahman.

Ucapan itu ditinggalkan penduduk di laman Facebooknya yang memperlihatkan beliau aktif turun padang menyelesaikan setiap aduan dan permasalahan penduduk.

Meskipun baru pulang dari Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor, itu tidak dijadikan alasan untuk beliau mengambil tahu masalah dihadapi penduduk serta meninjau apa yang berlaku.

Masalah kawasan longkang tersumbat akibat ditumbuhinya lahar yang dihadapi penduduk Kampung Tambak Sebelong, di sini, akhirnya menemui penyelesaian selepas kerja pembersihan terus diambil tindakan.

Dalam kesibukan itu, beliau sempat menghadiri kenduri tahlil arwah serta solat Zuhur berjemaah di Kampung Bukit Meta sebelum menyampaikan bantuan 'one-off' kepada pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK).



ABDUL Razak kerap menyantuni penduduk di sekitar DUN Telok Mas.

N27 - MERLIMAU

MUHAMAD Akmal akan memulakan misi bantuan untuk golongan asnaf, anak yatim dan ibu tunggal di DUN Merlimau sempena Ramadan dan Syawal yang akan tiba tidak lama lagi. FOTO: Facebook Akmal Saleh



FOKUS
DUN

Mencari asnaf, anak yatim sempena Ramadan

Mohamad Fazrul Abdul Majid

MERLIMAU - Sempena kehadiran Bulan Ramadan yang akan tiba tidak lama lagi, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau Dr Muhamad Akmal Saleh telah memulakan inisiatif bagi misi bantuan.

Dalam satu hantaran di Facebook rasminya, Muhamad Akmal meminta penduduk Merlimau membantunya mencari anak yatim, asnaf, ibu tunggal dan bapa tunggal yang memerlukan bantuan.

Jelasnya, data seperti namadan alamat tempat tinggal golongan berkenaan yang menetap di Merlimau diperlukan bagi misi bantuan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang.

"Senarai ini akan kami bandingkan dengan senarai yang sedia ada di pihak kami kerana jika boleh saya tidak mahu seorang pun warga DUN Merlimau yang terlepas dari menerima bantuan terutama di bulan Ramadan dan Hari Raya yang akan menjelma tidak lama lagi."

"Mohon jasabai semua untuk menyebarkan perkara ini kedalam kumpulan Whatsapp."

"Moga apa yang kita lakukan ini menjadi asbab kita untuk ke syurga nanti," katanya.

Beliau berkata, segala data dan maklumat mengenai golongan sasar untuk misi bantuan tersebut bolehlah diisi menerusi pautan <https://forms.gle/p6bkGFiBubAvBk8JA>.

N26 - SERKAM

Tanaman kenaf jadi prospek baharu Serkam

Fiqah Jamal

SERKAM - Seramai tujuh penyelidik dari Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) berkampung selama tiga hari di sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Serkam bermula 14 hingga 16 Mac lalu, bagi melihat prospek tanaman kenaf di kawasan itu.

Setiausaha JAPERUN Serkam, Roslan Abdul berkata program Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) itu bertujuan meningkatkan kualiti hidup kumpulan sasar dalam kawasan itu.

Katanya, PROSPEK itu juga merupakan pilot projek tanaman kenaf bagi DUN Serkam selain bertujuan melestarikan nilai-nilai tempatan melalui pengagihan semula sumber tempatan.

"Program ini melibatkan pembangunan ameniti sosial, bina baru dan baik pulih rumah untuk golongan sasar."

"DUN Serkam antara DUN yang bertanding dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Jasin yang melibatkan koperasi DUN Serkam bagi memudah cara untuk projek-projek ekonomi," katanya.

Dalam pada itu, Penghulu DUN Serkam, Mohd Faizal Othman berkata, idea untuk pertandingan terbabit dari Ahli Dewan

Undangan Negeri (ADUN) Serkam, Datuk Zaidi Attan.

Katanya, projek PROSPEK itu melibatkan peruntukan RM8 juta bagi tempoh lima tahun menerusi anjuran pecahan yang telah ditetapkan.

"Antara agensi terlibat bagi memperkasakan projek PROSPEK ini adalah Pejabat Daerah dan Tanah Jasin, Unit Perancang Bandar Negeri (UPEN),

Pihak Berkasa Kemajuan Pekan Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

"Turut terlibat, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara, UCAM, dan pelbagai agensi lain dalam usaha untuk menjayakan projek pilot ini."

"Projek ini juga merupakan pelaksanaan berbentuk geran kepada peserta bagi meningkatkan ekonomi mereka," katanya.



TUJUH penyelidik UCAM ketika melakukan penyelidikan di sekitar Serkam, baru-baru ini.

N28 - SUNGAI RAMBAI



LONGKANG konkrit yang siap dibina mengikut perancangan.

Longkang baharu manfaat ramai pihak

Liana Sahabudin

SUNGAI RAMBAI - Longkang konkrit sepanjang 103 meter dibina bersebelahan tanah perkuburan Islam Parit Penghulu, akan memberi manfaat kepada pengusaha tanaman padi berhampiran.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai Sti Faizah Abd Aziz berkata, selain menyediakan sistem saliran yang berkesan usaha itu juga mampu mengelakkan kawasan sawah berhampiran dari padat digenangi air jika berlaku hujan lebat berterusan.

"Kerja pembinaan longkang baharu ini dimulakan pada 5 Mac dan siap 10 Mac, semuanya berjalan dengan lancar mengikut perancangan."

"Saya berharap dengan adanya longkang ini akan memudahkan urusan banyak pihak, InsyaAllah selepas ini longkang konkrit ini akan dipanjangkan lagi," katanya.

Menerusi satu hantaran di Facebook rasminya Sti Faizah memaklumkan kerja pembinaan longkang sedang dijalankan itu dipantau oleh pegawai khas JAPERUN Sungai Rambai.



MIMBAR MAIM

"Dan hendaklah kamu ber tolongan untuk membuat kebaikan dan bertakwa dan janganlah kamu ber tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwa lah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksa-Nya (bagi se siapa yang melanggar perintah-Nya)." (Surah al-Ma'idah, ayat 2).

Perkukuh peranan BSAT MAIM

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Peranan Badan Sukarelawan Al-Taqwa (BSAT) Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) menjadi tunjang utama sebuah institusi sukarelawan yang memainkan peranan menyantuni asnaf dan mereka yang memerlukan di negeri ini.

BSAT yang juga merupakan sebuah badan sukarelawan di bawah naungan MAIM, acap kali turun padang menyantuni asnaf yang memerlukan khususnya mereka yang menghidap penyakit kronik.

Ketua Seksyen Pembangunan Insan MAIM, Arina Safurra Alim berkata peranan BSAT bukan sahaja menyantuni asnaf namun turut diberi perhatian adalah mereka yang memerlukan lebih-lebih lagi di musim pandemik ini.

Beliau turut menjelaskan BSAT MAIM tidak tertumpu kepada asnaf sahaja namun kepada masyarakat Islam yang terkesan dan memerlukan bantuan turut dibantu dengan bantuan sewajarnya.

Katanya, pelbagai bantuan disediakan untuk disampaikan kepada golongan sasar antaranya sumbangan katil boleh laras, lampin pakai buang dan juga mesin oksigen serta tilam angin yang berseusai.

"Bantuan berbentuk peralatan

“ BSAT juga bukan sahaja memberi tumpuan kepada sumbangan bantuan namun turut memberi perhatian kepada program kemasyarakatan antaranya gotong-royong pembersihan rumah asnaf dan pemeriksaan kesihatan secara berkala. ”

ini juga merupakan antara inisiatif tambahan BSAT memastikan mereka yang memerlukan mendapat perhatian sewajarnya serta memudahkan lagi urusan sehari-hari mereka." ujarnya.

Arina turut menjelaskan, sumbangan katil dan lampin pakai buang ini juga tertumpu kepada mereka yang menghidap penyakit kronik seperti sakit terlantar dan memerlukan perhatian segera.

"Juga sumbangan mesin oksigen bagi asnaf yang menghidap penyakit jantung kronik kerana sebahagian daripada mereka ada kalanya terpaksa menyewa mesin berkenaan daripada farmasi yang berdekatan." katanya lagi.

BSAT juga bukan sahaja memberi tumpuan kepada sumbangan bantuan namun turut memberi perhatian kepada program kemasyarakatan antaranya gotong-royong pembersihan rumah asnaf dan pemeriksaan kesihatan secara berkala.

Kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negeri ini juga memainkan peranan besar dalam

memastikan fungsi dan misi BSAT dapat diterjemah kepada masyarakat Islam di negeri ini.



Penerangan ringkas berkaitan tatacara penggunaan mesin oksigen kepada asnaf.



Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud menyerahkan mesin oksigen kepada salah seorang asnaf di DUN Tanjung Bidara.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#) Facebook | [facebook/maimmelaka](#)

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni



MANFAAT BERSAMA...Penolong Setiausaha Bahagian Zakat MAIM, Shakina Mohd Said menerahkan 33 unit tablet kepada Pengurus Rumah Anak Yatim Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj (RAYSAS), Nailul Hafiz Ibrahim bagi kegunaan bersama pengurusan dan penghuni rumah berkenaan. Tablet itu juga turut disediakan talian pra bayar selama setahun bagi memudahkan pelajar di rumah berkenaan mengikuti pembelajaran dan pengajian melalui dalam talian.

SERAHAN 500 unit bantal kekabu berkualiti tinggi kepada pengurusan Pusat Kuarantin Dan Rawatan COVID-19 (PKRC) di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh yang telah disempurnakan oleh Timbalan Pengerusi MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud. Sebagai rekod MAIM telah menyampaikan sejumlah 6,000 sumbangan kit kesihatan dan perubatan serta 500 selimut kepada penghuni PKRC berkenaan.



KEJADIAN MATAHARI



IMEJ MATAHARI DIRAKAM DARI BALAI CERAP AL-KHAWARIZMI

MATAHARI MERUPAKAN SEBUAH BINTANG YANG MERUPAKAN CIPTAAN ALLAH SWT. KEJADIAN MATAHARI DENGAN SIFATNYA YANG BERCAHAYA DAN MENGELOUARKAN HABA MEMBUKTIKAN KEBESARAN DAN KEKUASAAN ALLAH SWT.



KEJADIAN AURORA



IMEJAURORA YANG DIRAKAM DARI ICELAND

Fenomena yang boleh dilihat di negara yang berada berhampiran kutub utara dan kutub selatan sahaja.

Aurora yang terjadi di kawasan kutub Utara dikenali dengan nama Aurora Borealis. Aurora Australis adalah fenomena aurora di kawasan kutub Selatan.

Terjadi disebabkan interaksi medan magnet Bumi dengan cas lepasan zarah-zarah dipancar dari sinaran Matahari.

Disebalik hikmah hati yang suci lagi bersih



Datuk Hj. Ibrahim

Bin Fadzil

Ketua Pegawai
Eksekutif Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

SETIAP umat Islam perlu ketahui bahawa menunaikan zakat merupakan rukun Islam yang ketiga dan hukum menunaikannya adalah fardhu ain bagi setiap Muslimin dan Muslimat yang telah memenuhi syarat-syarat wajib zakat. Ibadah zakat mempunyai hikmah dan faedah yang banyak serta memberi kebaikan bukan sahaja kepada pengeluar zakat bahkan kepada penerima.

Baru-baru ini kita dikejutkan musibah banjir besar di beberapa buah negeri di Malaysia dan tidak terkecuali di negeri Melaka. Sedangkan kita juga masih diuji dengan penularan pandemik COVID-19 yang belum

ber-akhir. Banyak kerosakan harta benda, kehilangan tempat tinggal dan paling mendukacitakan adalah kehilangan nyawa orang yang tersayang. Inilah ujian Allah SWT supaya kita mengingati bahawa setiap yang berlaku ada hikmah disebaliknya. Janganlah kita leka dengan perintah-Nya dan patuhlah setiap apa yang telah termaktub di dalam al-Quran. Firman Allah SWT melalui Surah Al Baqarah, ayat 286 yang bermaksud: "Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya. Dia mendapat (pahala) daripada (kebaikan) yang dilakukannya dan dia mendapat (seksaan) dari pada (kejahanatan) yang dilakukannya." Ini jelas membuktikan bahawa ujian yang diberikan adalah selaras dengan kemampuan hamba-Nya. Di sebalik ujian yang datang sudah pasti Allah SWT tidak akan sekali-kali menzalimi hamba-Nya.

Oleh yang demikian, sebagai insan yang beriman dan bertakwa kerana Allah SWT, maka apabila melihat saudara sesama Islam dalam kesusahan dan musnah segala harta bendanya akibat bencana. Dengan ibadah zakat inilah dapat membantu meringankan be-

" Amalan berzakat juga dapat melatih jiwa untuk ikhlas dan tanpa paksaan dalam menunaikannya. Apabila golongan kaya bermurah hati membantu golongan yang kurang berkemampuan, secara tidak langsung dapat memberikan ketenangan hati. "

banan kehidupan mereka yang terkesan terhadap musibah yang berlaku. Ianya juga dapat mengeratkan hubungan persaudaraan di antara pemberi zakat dan penerima.

Apabila kesedaran ini wujud dalam masyarakat, setiap umat Islam mampu menunaikan kewajipan berzakat. Secara tidak langsung dapat menjalinkan kasih sayang yang berterusan sesama umat Islam dan mewujudkan suasana ketenangan dalam kehidupan bermasyarakat.

Amalan berzakat juga dapat melatih jiwa untuk ikhlas dan tanpa paksaan dalam menunaikannya. Apabila golongan kaya bermurah hati membantu golongan yang kurang berkemampuan, secara tidak langsung dapat memberikan ketenangan hati.

Ianya juga boleh menyucikan diri seorang daripada pelbagai kotoran dosa, memurnikan jiwa, memupuk akhlak mulia, menjadi lebih pemurah dan seterusnya peka terhadap rasa kemanusiaan. Ini bersesuaian dengan firman Allah SWT di dalam Surah at-Taubah ayat 103, yang bermaksud: "Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka dan mendoakanlah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah SWT Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

Selain daripada itu, zakat mampu memperkuuhkan kehidupan masyarakat Islam sehingga meningkatkan taraf sosioekonomi Islam ke arah lebih baik. Ianya menjadi ibadah yang amat penting dalam pembangunan masyarakat Islam. Hal ini kerana, ianya dapat

menjamin kesejahteraan hidup mereka yang memerlukan sekaligus dapat menstabilkan ekonomi umat Islam sejagat.

Di samping itu, zakat juga merupakan salah satu hikmah yang sangat terpuji iaitu dapat membersihkan hati daripada sifat-sifat keji seperti sifat berdendam, iri hati dan hasad dengki yang memberi impak negatif dalam kehidupan bermasyarakat. Sifat negatif tersebut jika dibiarkan akan menjadi barah dalam masyarakat. Oleh yang demikian, ibadah zakat dapat membersihkan jiwa daripada hasad dengki dan iri hati serta dapat mengeratkan hubungan persaudaraan walaupun berbeza dari segi kemewahan dan kekayaan dalam kehidupan seseorang itu.

Sebagai umat Islam, kita haruslah memahami bahawa hikmah dan rahsia disebalik pensyiaran ibadah zakat merupakan perkerja yang benar dan banyak disebut bergandingan antara ibadah solat dan zakat di dalam al-Quran dan hadis Nabi SAW. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah ayat 110, yang bermaksud: "Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa juga yang kamu daulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat segala yang kamu kerjakan."

Sebarang pembayaran & pertanyaan tentang info zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian Whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :
Ibu Pejabat, Tel: 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel: 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel: 06-3845453
- Cawangan Jasim, Tel: 06-5294635
- Cawangan Medina, Tel: 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel: 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel: 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp
: Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat
- (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com



Talian Zakat:
1-300-88-0233

Zakat Melaka zakat.melaka www.izakat.com

Hanya **2.5%**

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com





ASNAF MAIM, Ainon Chik dan Sara Chee berasa syukur ketika menerima sumbangan katil serta tilam angin yang telah disumbangkan oleh Badan Sukarelawan Al-Taqwa (BSAT) MAIM baru-baru ini. Ketua Unit BSAT MAIM, Haziq Abdullah Thani turut menyampaikan sumbangan lampin pakai buang kepada mereka dan BSAT turut akan memastikan segala keperluan asnaf MAIM dapat ditunaikan dengan sebaiknya.

SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA

Jom Berwakaf

4 KAEADAH BERWAKAF

#SatuAmalMenciptaSejutaManfaat

KAEDAH 01 MELALUI KAUNTER MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)

KAEDAH 02 MELALUI PERBANKAN INTERNET KE AKUUN "SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA" 04015010078877 (BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD)

KAEDAH 03 MELALUI POTONGAN GAJI, MUAT TURUN BORANG POTONGAN GAJI DI PORTAL IWAKAF MAIM (<https://iwakaf.maim.gov.my>)

KAEDAH 04 MELALUI DuitNow QR

BANK ISLAM

04015010078877 (BIMB)
(Saham Wakaf Pembinaan Masjid Pulau Besar Melaka)

Ucapan Perasmian Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam sempena Pembukaan Persidangan Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Ke-15

Ahli-ahli Yang Berhormat,

PENEROKAAN BIDANG BAHARU

Perubahan landskap dalam ekonomi dunia kini mempengaruhi penyusunan semula kegiatan ekonomi dan pekerjaan di kebanyakan negara, khususnya yang mencapai ekonomi matang. Kebergantungan terhadap model ekonomi lama perlu dikaji semula malah sudah banyak negara rantaui ini telah mulai beralih kepada ekonomi digital. Akhir-akhir ini, ekonomi gig sentiasa menjadi bual mulut dikalangan para peniaga dan individu yang sentiasa membincangkan mengenai ekonomi gig. Oleh yang demikian, pentadbiran kerajaan kini perlu menggiatkan usaha untuk terus menggalakkan perkembangan sektor ekonomi gig di negeri ini melalui perancangan dasar-dasar baharu. Industri ini sangat pesat berkembang dan sudah pasti memberi pelbagai peluang pendapatan kepada rakyat, terutamanya buat anak-anak muda.

Dalam mendepani cabaran dunia tanpa sempadan dan penerokaan bidang baharu sebagai sumber pendapatan negeri, kerajaan negeri perlu menyegerakan transformasi pen-digitalan negeri Melaka. Agenda digital kerajaan negeri hendaklah memfokus kepada kerja-kerja pemantapan infrastruktur telekomunikasi yang akan meningkatkan kualiti akses dan kapasiti capaian rangkaian internet berkelajuan tinggi melalui peningkatan keupayaan penuh 4G dan seterusnya mempelopori bidang teknologi 5G.

Selain itu juga, pemberkasaan aplikasi pintar dan kandungan digital serta analitis data raya negeri juga perlu dipergiatkan untuk meningkatkan tadbir urus dan sistem penyampaian kerajaan. Usaha menyegerakan pendigitalan negeri Melaka ini sudah pasti akan merubah negeri Melaka ke arah bandaraya pintar yang berteknologi. Saya difahamkan yang kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah bekerjasama dengan Malaysian Industry-Government Group For High Technology (MIGHT), dalam menyediakan Smart Melaka Blueprint 2035 yang akan diterbitkan pada suku pertama tahun 2022 ini. Harapan saya agar dokumen perancangan tersebut dijadikan sebagai rujukan dan digunakan oleh semua jabatan dan agensi untuk menyemarakkan inisiatif pendigitalan negeri Melaka.

Dalam perancangan untuk menjadi sebuah negeri yang pintar, apa yang perlu ditekankan adalah usaha ke arah meningkatkan kualiti kehidupan rakyat serta memelihara alam sekitar melalui kepintaran teknologi yang bakal digunakan. Oleh itu, saya berharap agar kerajaan negeri menerusi agensi-agensi kerajaan dapat mengambil peluang ini untuk melaksanakan kerjasama dengan rakan-rakan strategik bagi meningkatkan keupayaan sumber yang sedia ada mahupun meneroka bidang-bidang baharu yang boleh meningkatkan pendapatan negeri dan rakyat. Suka juga saya mencadangkan supaya kerajaan negeri memanfaatkan semula status MSC Malaysia Cybercentre @ MITC untuk menarik pelaburan dalam bidang berkaitan industri 4.0, IOT dan sebagainya.

Kerajaan negeri hendaklah memberi fokus untuk menarik pelaburan berteknologi tinggi termasuk pelaburan industri teknologi hijau



dan tenaga boleh diperbaharui yang mampu menyediakan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi bagi menjana pendapatan tinggi kepada rakyat Melaka. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri yang telah melaksanakan inisiatif untuk menarik pelaburan berteknologi tinggi seperti teknologi kereta elektrik (EV) ke Melaka.

PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN DAN PENDIDIKAN

Pembangunan modal insan merupakan faktor kritis dalam pembangunan sesebuah negeri dan negara. Justeru, ketersediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi adalah penting untuk menyokong peralihan semua sektor ekonomi ke arah aktiviti berintensifikasi pengetahuan, teknologi dan inovasi.

Dengan perkembangan teknologi terkini serta bidang-bidang baharu sektor ekonomi yang bakal diterokai oleh kerajaan negeri, maka pembangunan modal insan yang lengkap dengan ilmu dan kemahiran serta nilai-nilai murni perlu disediakan agar mampu terus berdaya saing dan kekal relevan dengan perkembangan semasa.

Pada pandangan saya, dengan adanya pelbagai institusi pengajaran tinggi dan pusat latihan kemahiran dalam pelbagai bidang, negeri Melaka boleh muncul sebagai hab research and development (R&D) dan pendidikan. Suka juga saya menyeru kepada institusi pengajaran tinggi yang ada di Melaka untuk menjadikan pihak industri sebagai rakan strategik dalam menyediakan tenaga kerja yang bersesuaian.

Sementara itu, pihak industri pula boleh mendapatkan khidmat nashit serta solusi kepada permasalahan berdasarkan R&D yang dilaksanakan. Produk kajian dan inovasi yang dihasilkan, janganlah disimpan sahaja, tetapi hendaklah dikomersialkan bagi menjana pendapatan. Kerajaan negeri pula boleh bertindak sebagai penghubung dan penyealaras dalam kerjasama di antara kedua-dua pihak berkenaan. Kerjasama ini akan membolehkan wujudnya *win-win situation* kepada semua pihak dan mewujudkan persekitaran yang kondusif dalam pembangunan

modal insan di negeri Melaka termasuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk negeri Melaka.

KESELAMATAN

Kestabilan dan keharmonian negeri Melaka merupakan satu faktor yang menarik pelbagai pihak untuk datang ke negeri Melaka termasuk yang berkaitan dengan aktiviti haram seperti penyeludupan dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Ini juga ditambah dengan pesisir pantai sepanjang 70km yang luas dan boleh dibolosi bagi aktiviti-aktiviti tersebut. Justeru, saya berharap semua pasukan keselamatan yang bertanggungjawab untuk mengekang aktiviti tersebut dapat menjalankan amanah dengan sebaiknya demi menjamin keselamatan sempadan, keamanan negeri Melaka dan kesejahteraan rakyat.

SEMANGAT PERPADUAN

Mengambil kira konsep Keluarga Melayu, Melaka sememangnya adalah contoh yang terbaik dari segi kepelbagaiannya kaum dengan adat dan tradisi masing-masing. Justeru, antara nilai yang perlu diterapkan adalah menjaga kehormatan dan maruah diri, menyemai semangat prihatin untuk membantu, menyemai semangat keamanan dan kesejahteraan dalam diri serta hormat menghormati di antara satu sama lain. Semangat perpaduan ini amat penting untuk menghasilkan keamanan dan ketenteraman dalam kalangan masyarakat, yang secara tidak langsung merupakan antara faktor penyumbang kepada lanskap pembangunan ekonomi negeri yang kukuh.

PENERAPAN NILAI MURNI

Kepesatan ekonomi dan pembangunan fizikal tidak memberi makna sekiranya tidak diiringi dengan pembangunan insaniah. Kita boleh menyediakan infrastruktur yang hebat dan moden, namun cabaran sebenarnya adalah mewujudkan masyarakat yang maju dari aspek pemikiran, rohani dan akhlak terpuji. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab barisan kerajaan sedia ada untuk menerapkan nilai-nilai murni di kalangan generasi muda

khasnya di negeri ini menerusi program-program pembangunan insaniah.

Etika dan integriti dalam perkhidmatan perlu diperlihatkan oleh penjawat awam melalui pelaksanaan amanah dan kuasa yang diberikan kepada mereka demi kepentingan umum. Nilai-nilai murni juga merupakan prasyarat kepada keutuhan jenama pentadbiran sesebuah kerajaan, persepsi rakyat dalam aspek ketelusan dan menjadikan penanda aras kepada kepercayaan terhadap seseorang individu. Oleh yang demikian, usaha memperkuatkannya integriti dan tadbir urus yang terbaik memerlukan komitmen daripada semua pihak dalam perkhidmatan awam daripada pegawai, kakitangan serta organisasi itu sendiri dengan mengikuti segala peraturan serta amalan-amalan terbaik.

Ahli-ahli yang berhormat,

Di dalam menjalani kehidupan norma baharu, rakyat Melaka memerlukan tumpuan ahli-ahli yang berhormat sekalian dalam menyelesaikan segala permasalahan. Sebagai ahli dewan undangan negeri, apaujat tindakan dan perlakuan ahli-ahli yang berhormat seniasa menarik perhatian umum.

Saya memohon supaya ahli-ahli yang berhormat dapat sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni agar menjadi contoh teladan yang baik kepada masyarakat umum dan mencerminkan kematangan pemimpin.

Perbalahan yang tidak berkesudahan hanya akan merugikan semua pihak. Sebaik-baiknya perbezaan pendapat yang ada ditransformasikan menjadi landasan ke arah kerjasama satu pasukan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan negeri Melaka yang tercinta.

Saya menaruh harapan supaya persidangan dewan undangan negeri kali ini dapat berjalan dengan teratur dan sempurna serta dengan penuh rasa hormat-menghormati antara satu sama lain tanpa mengambil kira ideologi politik masing-masing.

Dengan lafadz yang mulia bismillahir rahmaanir rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan Persidangan Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Ke-15.



WWW.KIBGIM.COM



SCAN HERE

SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: SEJARAH


JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK: SEJARAH (TINGKATAN 4)

BAB 1: WARISAN NEGARA BANGSA

SOALAN STRUKTUR:

- 1) Rajah berikut merupakan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.



- a) Apakah X dan Y?

- i. X:
ii. Y:

[2 markah]

- b) Mengapakah kedudukan raja dan rakyat penting dalam kerajaan Alam Melayu?

.....
.....
.....

[4 markah]

- c) Bagaimanakah rakyat menunjukkan kesetiaan kepada raja dan negara?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

JAWAPAN

- 1) a) i. X Undang-undang
ii. Y Wilayah pengaruh
b) Raja-Tonggak utama kerajaan
 - Diperkuahkan dengan pentadbiran yang dibantu pembesar
 - Memperoleh ketaatan rakyat
 - Raja ditaati / dianggap suci
Rakyat - Penduduk sesebuah wilayah
 - Setia kepada raja /tidak menderhaka
 - Menunjukkan taat setia, mematuhi arahan
 - Menjadi tentera/ menghadiri majlis umum seperti gotong-royong,
c) Mengamalkan prinsip Rukun Negara
 - Setia kepada raja dan negara
 - Tidak bekerjasama dengan musuh negara/menjual rahsia negara
Inf Negara kekal berdaulat
Mematuhi undang-undang negara
 - Dengan tidak terlibat dengan perbuatan jenayah/ salah laku
 - Negara aman/harmoni
 - Ekonomi maju/membangun Inf Dipandang tinggi oleh negara luar

NOTA
TAMBAHAN

KERAJAAN SRIVIJAYA

- Berpusat di Palembang
- Meneruskan ciri-ciri negara bangsa Alam Melayu sebelumnya/ Funan dan Champa
- Srivijaya menjadi empayar terkenal
- Ciri-ciri negara bangsa membawa kesejahteraan kepada empayar Srivijaya/ diwarisi Kesultanan Melayu Melaka
- Kesultanan Johor-Riau meneruskan ciri-ciri ini/ menekankan kepentingan Islam

Ciri Negara Bangsa Alam Melayu

- Undang-undang
- Bagi menjamin kesejahteraan kerajaan
- Terpakai di seluruh wilayah pengaruh
- Panduan pentadbiran
- Contoh Majapahit mengamalkan undang - undang Kutara Manawa
- Wilayah Pengaruh
- Kawasan rakyat menerima/ memperakui pemerintahan seseorang raja.
- Kerajaan Funan mempunyai wilayah pengaruh yang luas iaitu dari Sg Mekong, Teluk Cam Ranh dan Segenting Kra

Upacara persetiaan rakyat
kepada pemerintah

- Air dituang di atas inskripsi Telaga Batu
- Air mengalir melalui corong di bawahnya
- Air ditadah dan diminum oleh rakyat
- Menunjukkan kesetiaan kepada pemerintah

Tokoh Huffaz KAQSA penuhi impian arwah bapa

Siti Salehah

BANDA HILIR - "Anugerah ini adalah satu amanah dan tanggungjawab besar buat saya pikul."

"Bukan untuk dibanggakan kerana keperibadian saya akan menjadi cerminan buat hufaz yang lain," kata Anis Atirah Razali, penerima Anugerah Sayyidina Ali (Tokoh Huffaz) pada Majlis Konvokesyen Kolej Al-Quran Sayyidina Ali (KAQSA) Ke-9.

Anis menerima anugerah itu atas kecemerlangan dalam akademik, hafazan al-Quran, penglibatan kurikulum dan sahsiah sepanjang tiga tahun pengajian dalam jurusan Pengurusan Halal di KAQSA.

Anak keempat daripada

enam beradik itu berkata, pada awalnya dia bersatu tidak layak untuk menerima anugerah itu namun berterima kasih kepada pihak pengurusan kolej atas penghargaan diberikan.

Katanya, perjalannya selama tiga tahun belajar di KAQSA berdepan pelbagai cabaran, termasuk diuji dengan pemergian bapa tersayang pada Sept tahun lalu, membuatkan dia hampir berputus asa.

"Menjadi harapan arwah ayah melihat saya menghafaz dan berjaya. Malah arwah kerap berpesan supaya belajar bersungguh-sungguh disebabkan itu saya pernah terfikir buat apa lagi meneruskan semua ini kerana ayah sudah tiada."

"Malah pandemik COVID-19 juga memberi kesan apabila terpaksa tinggal di rumah dan untuk mendapatkan rentak serta suasana menghafazit bukan mudah."

"Selain itu saya perlu berperang dengan perasaan sendiri kerana kita tidak dapat bebas seperti mereka yang lain," katanya yang ber cita-cita meneruskan pengajian Bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Dia ditemui pada Majlis Konvokesyen Khatam Hafazan Al-Quran Dan Anugerah Kecemerlangan Pelajar KAQSA Kali Ke-9 di sebuah hotel di Banda Hilir, 15 Mac lalu.

Majlis Konvokesyen itu disempurnakan oleh Yang



YANG di-Pertua Negeri Melaka, Tun Seri Setia Dr Mohd Ali Mohd Rustam menyampaikan Anugerah Sayyidina Ali (Tokoh Huffaz) kepada Anis Atirah Razali pada Majlis Konvokesyen Kolej Al-Quran Sayyidina Ali. Foto Iqmal Haqim Rosman

di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Dr Mohd Ali Mohd Rustam dan turut dihadiri Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Datuk Che Sukri Che Mat.

Sementara itu, bagi penerima Anugerah Penuli-

san Al-Quran (Tahriri) Anas Abd Razak, 21, yang mengambil jurusan Qiraat berkata, dia amat bersyukur kerana berjaya khatam dan menulis al-Quran dalam tempoh dua tahun tiga bulan.

Katanya, walaupun perjalanan agak mencabar untuk menghafaz dan khatam al-Quran namun baginya setiap apa yang berlaku di penghujung, pasti akan ada kemanisan selain pahala berganda.

Mangsa buli jadi graduan cemerlang

Fiqah Jamal

MERLIMAU - Graduan Diploma Akauntasi Jabatan Perdagangan Politeknik Melaka, Bella Nur Liza Ali Mahfud mencipta sejarah apabila meraih empat anugerah pada Majlis Istiadat Konvokesyen ke-19 Politeknik Melaka (PMK) di Dewan Platinum Politeknik Merlimau, 12 Mac lalu.

Berasal dari Kampung Baru, Kuala Lumpur, Bella Nur Liza, 24 bersyukur apabila terpilih untuk merangkul Anugerah Pengarah Politeknik, Anugerah Khas Kepimpinan, Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum serta Anugerah Dekan pada sesi pertama istiadat konvokesyen itu.

Anak sulung dari dua beradik itu berkata, apa yang mencetuskan impian dia untuk mengubah nasib keluarga apabila mengenangkan kesusahan dan kepahaman ibu ba-



BELLA Nur Liza (tengah) ketika diapit ibunya, Indah Susiawati Mujiono dan bapanya Ali Mahfud Karsun, bersama trofi anugerah yang dirangkul dalam Majlis Konvokesyen Politeknik Melaka (PMK) ke-19 di Dewan Platinum Politeknik Merlimau.

panya untuk memberi pendidikan yang sempurna kepada dia dan adiknya.

Ujarnya, kedua ibu bapanya merupakan pemegang kad Permaistautin Tetap (MyPR) di negara

ini dan hanya bekerja sebagai buruh binaan dan pekerja am rendah sebagai tukang cuci di Kuala Lumpur.

Menurutnya, dia juga pernah menjadi mangsa buli dengan ejekan anak pendatang ketika di sekolah rendah, sekolah menengah sehingga ke institusi pengajian tinggi (IPT), namun itu semua adalah motivasi baginya untuk pergi lebih tinggi.

"Kedua ibu bapa saya berasal dari Surabaya, kita dari keluarga yang susah namun mereka ber cita-cita tinggi untuk lihat saya berjaya, ayah selalu cakap kalau saya pandai cakap Bahasa Inggeris itu maknanya saya dah berjaya."

"Saya sering dibuli dan diejek sebagai anak pendatang, tumpang negara orang dan pelbagai lagi cemuh, namun itu semua adalah pemangkin untuk saya belajar lebih kuat dan dapatkan kerja

bagus untuk saya beri kesenangan pada ibu dan ayah kelak."

"Pernah masa sekolah rendah saya tidak ke sekolah kerana tidak mempunyai wang, makan apa yang ada, tapi tak apa biar itu semua menjadi kenangan manis yang saya dan keluarga hadap, ini hadiah saya kepada ibu ayah untuk beri kesenangan kepada mereka yang sudah berusaha payah besarkan saya," ujarnya menahan sebak.

Tambahnya, doa ibu, Indah Susiawati Mujiono, 43, dan ayahnya Ali Mahfud Karsun, 51, tidak pernah putus memberi kekuatan kepadanya sepanjang pengajian.

Ujar Bella Nur Liza yang kini menuntut dalam jurusan Akauntan di Universiti Malaysia Sabah (UMS), dia percaya dengan pendidikan ia dapat mengubah nasib bukan dirinya sahaja tetapi juga keluarga.

KAYM anjur pilihan raya kampus

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Dalam kemeriahan suasana Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor sebelum ini, Kolej Antara-bangsa Yayasan Melaka (KAYM) turut tidak melepaskan peluang memanfaatkan kehangatan itu dengan mengadakan pilihan raya kampus bagi memilih kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2022/2023.

Pilihan raya kampus yang julung kali diadakan pada 10 Mac lalu itu akhirnya berjaya direalisasikan walaupun pemilihan terpaksa ditangguh selama dua tahun akibat

pandemik COVID-19.

Pengerusi Pilihan Raya yang juga merupakan Pengurus Besar Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) KAYM Mohamad Nawawi Saad berkata, pilihan raya tetap perlu dilaksanakan bagi memberi peluang kepada mahasiswa merasai sendiri suasana pilihan raya, selain mengetahui proses sesuatu pilihan raya itu dijalankan.

"Di samping itu juga, pelajar dapat menunjukkan bakat kepimpinan mereka dalam kalangan pelajar itu sendiri."

"Mereka perlu tampil berani berucap di khalayak ramai, tegas, aktif, terampil bukan

sahaja dalam akademik malah aktiviti kokurikulum," katanya.

Beliau berkata, dalam suasana penularan COVID-19 masih meningkat ketika ini, pengajian pilihan raya KAYM itu turut berdepan cabaran tersendiri.

Menurutnya, antara cabaran yang dihadapi ialah kekangan berkempen apabila terdapat calon dan pelajar kampus yang dikuarantin kerana positif COVID-19, selain adadi antaranya menjadi kontak rapat.

Meskipun begitu, katanya, pihak KAYM menerusi Jabatan Kaunseling HEP yang diketuai Noriza Hussain mengambil pende-

katan suasana norma baharu dengan memperkenalkan kaedah pengundian secara fizikal dan hibrid.

"Melalui kaedah ini, pelajar yang tidak dijangkiti akan membungkung undi di Pusat Mengundi yang ditetapkan di kampus."

"Manakala bagi pelajar yang sedang dalam kuarantin atau pelajar jarak jauh, mereka akan mengundi menggunakan sistem secara dalam talian," katanya.

Selepas sesi pengundian berakhir, KAYM telah mengumumkan senarai 10 calon umum dan 16 calon program yang memenangi pilihan raya MPP sesi 2022/2023 itu.

Bukit Melaka, Malay Lane and Jalan Yahudi:

Certainly Not Altering the Past



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

IN July 2020, I responded to a newspaper column through the social media on the initiative by the Malacca Museums Corporation (PERZIM) to revert the name Bukit St. Paul to Bukit Melaka. I argued that the action was not to change history. The past has not been altered.

I began my response with the statement that changing Bukit St. Paul/ St. Paul Hill to Bukit Melaka resonates attempts to change George Town to Tanjung Penaga and Butterworth to Bagan Tuan Kecil. It is reverting to a previous name. If only names can speak. The logic of place names is relative to geography (toponym), history, and society. It takes on the Grundnorm (ground rules) of the land. We give meaning to them. In the case of, or for Bukit Melaka (and Tanjung Penaga), it is to be fair to the past. History also needs integrity.

My further argument is that the reversion would mean re-narrating the past – that of place and space. The columnist had argued that “if the aim is just to highlight the original name and educate visitors.. there is a simpler solution. Just erect a signboard displaying all the information, covering the lineage of Parameswara to Sultan Mahmud.” Let us alter the “solution” by not altering history.

Revert the name to Bukit Melaka by erecting a signboard that “This was once St Paul’s Hill which stood on the earlier name of Bukit Melaka and that the conquering Portuguese built a fortress and several structures around 1548. And not forgetting Melaka a palace and the port/ sultanate and the Malay Enlightenment centred in Melaka when Europe was Medieval.” Then Melaka was the centre of the known world before the Portuguese entered the Indian Ocean through the back door and monopolized trade arrangements, cultural contacts, raided the littoral communities and proselytizing the local population. It destroyed civilizations. These must be re-narrated.

Melaka (and the Malay Archipelago) - was a victim of the rivalry between the Portuguese and the Castilians (the Spaniards),

“ But I am quite sure one finds “Buquet Malaca” clearly stated in Eredia’s Description of Malaca (1613). ”

and the various European powers. The Portuguese Francisco de Almeida (1450-1510) was instructed to sail to Melaka and construct a fortress – including where it is to be built. It is significant that the letter from King Manuel of Portugal instructing Almeida emphasized on the erecting pillar-stones or any sign of possession in all places visited (attacked/ conquered). It was a standing order, meant to serve as proofs that these places had been discovered by Portugal.

This was the strategy of colonial Europe induced largely by the Treaty of Tordesillas (1494). The imperial policy and ideology behind it justify genocide, ethnocide and epistemicide – Melaka and the Malay Archipelago were no exceptions.


In gazetting Bukit Melaka, crimes of invasion, domination and colonialism must be re-told. St Paul Hill eclipsing Bukit Melaka smacks of domination and the suppression of collective history and memory. The name and its structures must be re-narrated in museums and in a thoroughly revised school history textbooks. The 65 years of political independence must allow the integrity of the past to be appropriated.

No power in the known world then would want to engage with Portugal or Europe - because there was nothing there then. Even Arab philosopher and historian Ibn Khaldun (1332-1406), who once lived in Andalusia, and domiciled in Tunis and the north African region omitted Europe in his writings on civilization. Europe is absent in his corpus. No one visited its ports. Venice was beholden to Melaka.

I must also mention a text message I receive recently resisting the name Bukit Melaka. It questions the sources used including the *Sulalatus Salatin* (circa 1600) and *Eredia’s Description of Malaca* (1613). The writer points out that there were no dates in their mention of Bukit Melaka. It also listed more sources – Chinese, Arab and Portuguese saying that “not a single one mentioned Bukit Melaka,” and raising issues on the ambiguity the “bukit” mentioned in various sources. The text persisted aimlessly like a ship lost in the fog.

But I am quite sure one finds “Buquet Malaca” clearly stated in *Eredia’s Description of Malaca* (1613).

To suggest of a “burning need” to change is not the issue. And certainly removed from the sentiment to appease the prevalent “political, religious or racial tendencies.” I have been accused of being one of those with a “local minded mentality” for attempting to revive earlier names in Pulau Pinang. There are names suppressed by prejudice. These have been around for centuries before the invasion and plunder. And in the George Town UNESCO heritage zone, there was Malay



BUQUET Malaca stated in *Eredia’s Description of Malaca* (1613).

Lane/ Lorong Melayu until 1808; now replaced by Armenian Street.

The direction of our narrative is to leave European/ colonial sounding names alone. And then there are Eurasian names too. No complaints on them. Malay names do not imply otherwise but conceived of being local, parochial, backward.

Would restoring Jalan Yahudi in Pulau Pinang be altering history too? We now have in its place “Jalan Zainal Abidin,” named after the writer, educationist and intellectual who shaped the Malayan social and political landscape before 1957. His house was located in the same road. The small community of Jews, who came through India along the trade route, have a cemetery with over a hundred

graves from the 19th and early 20th centuries. Their synagogue, which closed down in 1976, was located in Jalan Nagore. How would Jalan Yahudi be reappropriated then?

This is not altering the past.

**NEXT WEEK:
Dusun Nyior**

*Prof. Dato’ Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



DR. SHANKAR GUNARASA



ABSES anus bagi pemahaman pembaca bermakna nanah di sekeliling dubur atau bonjolan bernanah di dubur. Bila ini berlaku, ia memberi kesan yang amat perit bagi pesakit. Seringkali masalah ini disalah erti dengan buasir kerana ciri-ciri kesakitannya yang sama.

Sama juga seperti buasir, pesakit akan bimbang untuk membuang air besar kerana takut akan kesakitan. Malah komplikasi yang boleh timbul jika masalah ini tidak ditangani dengan awal boleh menyebabkan pesakit menjadi septik.

Bagaimanakah abses anus ini boleh berlaku dan kenapa ia boleh berlaku? Abses anus ini berlaku disebabkan oleh jangkitan kuman di kelenjar cryptoglandular di anus, jangkitan yang mlarat di kelenjar anus inilah yang akan menjadi abses anus. Bilatidak segera ditangani, abses anus akan menyebabkan terbentuknya saluran tidak normal di anus yang dipanggil fistula ani. Masalah ini akan menjadikan sakit semakin teruk, bahkan menyebabkan kesulitan menahan pembuangan air besar.

Abses anus boleh berlaku kepada sesiapa sahaja, namun lebih berisiko kepada seseorang yang memiliki faktor-faktor berikut:

- Menderita radang usus seperti Crohn's Disease
- Sering sembelit sehingga melukakan dubur
- Memiliki sistem kekebalan tubuh lemah, misalnya akibat HIV/ AIDS
- Melakukan seks anal (khususnya yang menjadi penerima)
- Kanser tangkal rektum tahap 4 atau kanser anus

Apakah simptom – simptomnya?

- Sakit di dubur
- Kesan nanah di seluar dalam
- Bengkak di sekitar anus
- Bau nanah busuk semasa pembuangan najis
- Terasa gatal di lubang dubur.



Abses Anus : Mengapa ia berlaku?

Abses anus boleh disahkan dengan memeriksa secara fizikal kawasan dubur tersebut. Bila seseorang itu datang dengan simptom di atas, doktor akan melakukan beberapa jenis ujian untuk mengesahkan abses anus. Pada awalnya bahagian luar dubur akan diperiksa untuk melihat tahap atau saiz nanah, kesan inflamasi kulit dubur dan dalaman dubur akan diperiksa dengan jari untuk mengesan sebarang ketumbuhan di tangkal rektum dan dubur.

Pakar bedah yang arif dengan merawat masalah ini boleh memastikan tahap masalah abses anus ini dengan memeriksa secara fizikal sahaja. Jika absesnya besar, lazimnya endoanal ultrasound boleh digunakan untuk melihat secara visual seberapa dalam abses ini telah merebak. Sekiranya abses itu adalah rumit, abses yang kompleks atau pesakit pernah menjalani pembedahan di kawasan dubur, MRI Pelvis atau CT Pelvis boleh dilakukan untuk mendapat gambaran yang lebih jelas. Kadangkala jika kanser hujung tangkal rektum disyaki, ujian sigmoidoscopy atau kolonoskopi akan dilakukan.

Lazimnya abses anus ini terpaksa dirawat secara pembedahan dan sekadar mengambil ubatan antibiotik tidak memadai, malah ia boleh memburukkan keadaan. Biasanya potongan akan dibuat di atas abses tersebut, nanah dikeluarkan dan kawasan dalaman dibersihkan seberapa baik yang mungkin. Kulit dibiarkan begitu sahaja selepas pembedahan di mana pembersihan di kawasan tersebut terpaksa dilakukan setiap hari. Seringkali juga pakar bedah akan mencari fistula ani di abses anus kerana 40 peratus abses anus ini mempunyai fistula ini.

Jika ini berlaku seton atau getah akan diselitkan kedalam "terowong" fistula untuk mematangkan terowong tersebut, agar pembedahan kedua dapat dilakukan dengan senang. Kebiasaannya pembedahan kedua ini melibatkan prosedur LIFT (ligation of intersphincteric tract) ke atas seton tersebut. Jika abses tersebut berpuncak daripada kanser tangkal rektum, maka rawatan atau pembedahan terhadap kanser terpaksa dilakukan. Ini merangkumi rawatan kemoterapi dan radiotherapi terhadap barah tersebut, selepas abses itu ditangani dengan sempurna.

Bagaimanakah anda boleh menghindar masalah abses anus ini? Faktor utama ialah menjaga kebersihan anus. Sekiranya penjagaan yang tidak baik, ia akan meny-




BOLEH menyebabkan kesulitan menahan pembuangan air besar.

babkan kekotoran, luka dan akhirnya dubur akan bernanah. Satu lagi faktor ialah mengelakan masalah sembelit yang boleh menyebabkan lukai di dubur, nanah dan sekali gus fistula ani.

Rawatan untuk abses anus sememangnya rumit dan pesakit perlu faham di mana kesan penyembuhan akan mengambil sedikit masa.

Sekiranya anda ada menghadapi masalah abses anus, anda boleh berhubung dengan **Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131**



Jualan Keluarga Malaysia: Melaka catat nilai jualan RM388,000

MELAKA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka telah menganjurkan 25 Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di sekitar negeri itu, dengan kutipan jualan kira-kira RM388,000 dalam tempoh 15 Jan hingga 13 Mac lepas.

EXCO Hal Ehwal Pengguna negeri Ngwe Hee Sem berkata ia dianjurkan setiap dua minggu sekali di enam lokasi secara serentak, melibatkan enam Parlimen di negeri ini.

"PJKM dianjurkan selama dua hari iaitu pada Sabtu dan Ahad di setiap lokasi terlibat bertujuan menawarkan barang keperluan seperti telur, ikan dan ayam pada harga 30 peratus lebih murah berbanding pasaran, sekali gus mengurangkan beban sara hidup rakyat."

"Secara keseluruhan PJKM mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada penduduk tempatan terutama di kawasan perumahan, dan nilai jualan dalam dua hari penganjurannya seperti di Taman Melaka Perdana mencapai RM60,000," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau berkata lebih 15 pasar raya, pemborong, peternak, pengusaha industri kecil dan sederhana serta

agensi kerajaan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), menyertai program jualan tersebut.

Katanya penganjuran PJKM akan diteruskan sepanjang tahun ini dan kawasan perumahan menjadi fokus utama, memandangkan sambutan menggalakkan diri terima sepanjang penganjuran program itu sebelum ini akibat kepadatan penduduk di kawasan terlibat.

Hee Sem berkata, KPDNHEP juga bersedia menganjurkan program berkenaan di lokasi yang pernah dianjurkan sebelum ini, sekiranya terdapat permintaan daripada penduduk setempat, persatuan penduduk atau Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK).

Beliau berkata hebahan dan promosi berkaitan PJKM juga akan dipergiatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan penganjuran program itu diketahui penduduk setempat agar lebih ramai pengguna dapat menikmati tawaran yang disediakan.

Penganjuran PJKM perlu dihebahkan secara efektif kerana terdapat lokasi yang dianjurkan sebelum ini, penduduk setempat tidak tahu tentang program ini dan ia secara tidak langsung memberi kesan pada kutipan jualan," katanya. - BERNAMA



HEE Sem (kiri) bersama Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali ketika meninjau PJKM di Kompleks Sukan Masjid Tanah. Foto: Mohd Azren Jamaludin

Projek ternak tilapia air masin diteruskan



PROJEK penternakan ikan dalam sangkar di Kuala Linggi, dekat Masjid Tanah akan diteruskan dengan melepaskan 70,000 anak ikan tilapia merah tidak lama lagi.

Din Ahmad

AYER LIMAU - Jabatan Perikanan tidak akan membiarkan projek penternakan ikan dalam sangkar di Kuala Linggi, di sini terbari begitu sahaja selepas tergendala sejak Dislalu.

Sebanyak 70,000 anak ikan tilapia merah akan dilepaskan ke dalam 64 sangkar bagi mengantikan anak ikan yang terlepas akibat banjir besar pada 18 Dislalu.

Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Mohd Fauzi Salehon menjelaskan, jabatan itu tidak akan membiarkan projek bernilai kira-kira RM400,000 itu menjadi projek gajah putih.

"Banjir besar yang melanda daerah Lubok Cinapada 18 Dislalu menyebabkan ikan dalam sangkar terlepas selepas hanya empat hari dimasukkan ke dalam sangkar."

"Ita tidak melemahkan semangat kami dan 16 nelayan yang dipilih sebagai peserta projek berkenaan, sebaliknya kami akan memasukkan anak ikan baharu tidak lama lagi," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata, bagi memastikan setiap sangkar yang berukuran 3x4 meter itu tidak

mudah rosak, jabatan itu melaksanakan kerja menambah baik struktur sangkar.

Menurutnya, untuk tujuan itu, sauh rumah sangkar yang dipasang pada dasar Sungai Linggi akan diperkujuh bagi mengelakkan jaring ikan tercabut akibat dibawa arus dasar sungai.

"Sangkar dan rumah sangkar dibina melalui pelaburan RM400,000 di lokasi pertemungan antara air masin laut dengan air tawar Sungai Rembau.

"Kami sudah memasang sauh yang sukar tercabut dari dasar sungai di bahagian kiri dan kanan, selain depan dan belakang keseluruhan rangkaian sangkar dan kami akan menambah baik demi ketahanan sangkar menghadapi arus dasar sungai yang deras," katanya.

Beliau berkata, dengan kadar kemasinan air antara 10 hingga 15 di perairan itu berbanding 30 di laut, ikan tilapia merah sesuai hidup dalam air payau dan rasanya lebih lazat berbanding tilapia air tawar.

Projek seumpama itu sudah dilaksanakan di beberapa negeri lain seperti Kelantan dan Perak dan di Kuala Linggi adalah yang pertama seumpamanya di Melaka, katanya.

Iftar sambil menang hadiah

Faiz Hasan

ALOR GAJAH - Bukan sahaja rambang mata memilih lebih 100 juadah berbuka ditawarkan A'Famosa Iftar Buffet, malah pengunjung bertuah berpeluang membawa pulang hadiah misteri dan pakej penginapan di pusat percutian tumpuan negeri Melaka itu.

Pengurus Makanan dan Minuman A'Famosa Resort, Quieja Othman, kali ini pakej disediakan di Club House A'Famosa bertemakan makanan Arab.

Katanya, meskipun bertemakan Arab, pelbagai lagi makanan Asia dan Barat ditawarkan bagi memenuhi citarasa pelanggan.

"Kita masihkekalkan menu utama iaitu kambing golek dan ayam panggang yang mempunyai permintaan tinggi setiap tahun."

"Sambil menjamu selesa pengunjung boleh menyaksikan persembahan bunga api setiap hari yang bermula se-

jurus selepas waktu berbuka.

"Pakej ini dibuka sehingga 22 Mei, dari jam 6.30 petang hingga 9 malam dan pengunjung bertuah akan menerima pakej penginapan beserta hadiah misteri selepas memberikan maklum balas menerusi imbasan kod QR," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Tambahnya, promosi tempahan buat pengunjung terawal kini dibuka sehingga 4 April depan dengan bayaran RM50 buat kanak-kanak dan warga emas manakala RM65 untuk dewasa.

"Selepas tarikh itu harga kemasukan dikekalkan kepada kadar biasa iaitu RM85 buat dewasa manakala RM60 bagi kanak-kanak dan warga emas," katanya.

Orang ramai merancang untuk berbuka puasa dalam suasana eksklusif yang diwarnakan dengan persembahan bunga api boleh membuat tempahan awal dengan menghubungi Muhammad di talian 019-600 3500.



KAMBING golek merupakan tumpuan utama hidangan Ramadan di A'Famosa Iftar Buffet setiap tahun.

Nikmat kopi di sebalik 'tirai besi'

Faiz Hasan

BANDA HILIR - Berada di sebalik tirai besi mungkin satu pengalaman menggerunkan bagi sesetengah orang, namun siapa sangka konsep penjara kini dijadikan daya tarik bagi sebuah kafe di tengah Bandaraya Melaka.

Itulah yang diperkenalkan Kopi Jail yang terletak berhampiran Muzium Penjara Melaka, di sini.

Bagi Pengurusnya, Anas Al-Afiq Azhar, 24, berkata, ilham mengusahakan kafe berkonsepkan di sebalik tirai besi itu tercetus hasil perbincangan bersama sepupunya, Nur Aimi Irfan Nor Azian, 21.

Katanya, konsep unik itu dibuat bagi memberikan pengalaman berbeza buat penggemar kopi dalam suasana kedai yang seakan-akan sel bagai banduan di penjara.

Di bawahnya, sejak memulakan operasi pada 1 Feb lalu, kafe yang diusahakan itu semakin menjadi sebutan dalam kalangan orang ramai.

Dia yang berasal dari Jitra, Kedah berkata, perniagaan yang dijalankan bersama sepupunya, Nur Aimi Irfan Nor Azian, 21, memperkenalkan enam jenis minuman kopi dan apa yang unik setiap minuman itu dinamakan mengikut jenis-jenis hukuman penjara bertujuan untuk menarik pelanggan.

"Kafe yang beroperasi sejak Feb lalu dibangunkan dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia dan ia telah dibina dan diubah suai menggunakan tenaga daripada penghuni Sekolah Henry Gurney (SHG).

"Kami mahu membangunkan perniagaan seperti ini sebagai medan untuk mempromosikan produk-produk yang dihasilkan banduan penjara dan penghuni SHG untuk dikomersialkan secara terus kepada orang ramai.

"Malah, beberapa makanan seperti pastri dan makanan lain adalah produk keluaran penghuni wanita SHG dan beberapa peniaga kecil di sekitar."

"Secara tidak langsung, jualan di kafe ini membantu mereka menambah pendapatan," katanya kepada Melaka Hari Ini.



KOPI Jail yang dibuka sejak Februari semakin mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

Menariknya, Kafe Kopi Jail menawarkan enam hidangan kopi yang dinamakan mengikut jenis-jenis hukuman penjara bertujuan untuk menarik pelanggan.

Antara nama unik itu ialah Kopi Sebatan, Kopi Sepanjang Hayat, Kopi Reman, Kopi Seumur Hidup, Kopi Gantung dan Kopi Jail.

Selain itu, pengunjung yang datang juga diberi peluang untuk mencoret kontenget dinding di 'bilik menunggu' yang menggambarkan seakan-akan ruangan terakhir banduan sebelum ke tali gantung.

Sementara itu, bagi Aimi Irfan, kehilangan pekerjaan di sebuah hotel terkemuka akibat pandemik COVID-19 mendorongnya untuk menjalankan perniagaan tersebut.

Dia yang mempunyai sijil dalam bidang makanan dan minuman dari Akademi Pelancongan Langkawi (LTA) berkata, bermula daripada saat itu dia bersama Anas merancang untuk membuka perniagaan menggunakan modal yang dikumpul hasil gaji bekerja sebelum ini.

"Alhamdulillah segalanya dipermudahkan sehingga mampu membuka kedai sendiri dengan kelebihan di dalam suasana penjara



ANAS (kiri) akan berkostum salah satu watak dalam siri filem 'Money Heist' sebagai tarikan kepada pelanggannya.

yang satu-satunya terdapat di negeri ini sekali gus mampu mempromosi Muzium Penjara Melaka.

"Kami bersyukur kerana sejak dibuka kawasan muzium kini dipenuhi pengunjung dan merancang akan membuka beberapa cawangan lain sekali gus menjadi

platfrom mengetengahkan produk kraftangan dihasilkan banduan penjara.


"Malah, kami akan memperkembangkan lagi beberapa produk penjara yang lain sehingga ke makanan sejuk beku biarpun setakat ini hanya menjual barang-

gan kraftangan dihasilkan lebih 10 penjara seluruh Malaysia," katanya.

Untuk rekod, Kopi Jail beroperasi setiap hari kecuali Isnin bermula jam 9 pagi hingga 7 malam dan disambung sehingga 9 malam pada Jumaat hingga Ahad.



PELBAGAI produk kraftangan dihasilkan banduan daripada lebih 10 penjara seluruh Malaysia dijual dalam galeri yang terdapat pada kafe itu.



PELANGGAN mencoret kontenget dinding di 'bilik menunggu' yang merupakan ruangan terakhir banduan sebelum ke tali gantung.

Butang kecemasan dipasang di lokasi tumpuan

Siti Salehah

BANDA HILIR - Lapan butang kecemasan 'Emergency Panic Button' akan dipasang di sekitar kawasan Jonker Walk, di sini, dalam usaha mencegah jenayah di kawasan tumpuan pelancong itu.

Ketua Polis Melaka Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali berkata, butang kecemasan itu akan segera menghubungkan kepada pihak polis untuk memberi bantuan kepada mangsa sebelum tiba di lokasi dalam masa kira-kira tujuh minit.

Beliau berkata, Jonker Walk menjadi lokasi pertama di Malaysia yang dipasang butang kecemasan 'Emergency Panic Button' sekali gus menjadi perintis kepada program ini.

"Sebagai permulaan sebanyak tiga butang kecemasan ini dipasang di sekitar Jonker Walk iaitu di persimpangan Jalan Kasturi/Hang Lekir, bersebelahan A.I Smart Hotel dan Taman Antarabangsa.

"Namun menjelang Jun ini kita sasaran-

kan untuk menambah lagi lima dan menjadikan keseluruhan sebanyak lapan butang kecemasan 'Emergency Panic Button' di pasang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Pelancaran 'Emergency Panic Button' Peringkat Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah, 16 Mac lalu.

Menurut beliau, apabila butang ditekan oleh mangsa atau orang awam yang melihat kejadian tiga elemen akan bertindak.

"Antara elemen yang akan mengambil tindakan adalah Skuad Rondaan Berbasikal Unit Polis Pelancong, Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dan Skuad Taming Sari (STS) menggunakan Scrambler," katanya.

Mengulas lanjut Abdul Majid berkata, sekiranya pemasangan butang kecemasan ini berjaya pihaknya akan membawa dan mencadangkan kepada Ketua Polis Negara untuk dilaksanakan di seluruh negara.



SUPERINTENDAN Aniesa Hanum menunjukkan cara penggunaan 'Emergency Panic Button' jika belakunya kejadian jenayah di Pentas Jonker Walk. Foto: MR. Azli



PETUGAS AADK, Norazam Abu Bakar (tengah) memberi penerangan kepada pengunjung yang menghadiri pameran bas pada majlis sambutan peringatan Hari Antidadah Kebangsaan Peringkat Negeri Melaka tahun 2022 di perkarangan Mydin Mall MITC. Foto: MR. Azli

Pesisir pantai jadi 'port' dadah Melaka

AYER KEROH - Kawasan pesisir pantai di Melaka dikesan menjadi antara kawasan berisiko tinggi (KBT) yang paling tinggi direkodkan terlibat dengan penagihan dadah.

Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Melaka, Wan Madihi Wan Salleh berkata, daripada 10 KBT yang dikenal pasti di negeri ini, empat daripadanya merupakan kawasan pesisir pantai.

Jelasnya, ia membabitkan kawasan Tanjung Klingdon Pernu di daerah Melaka Tengah, serta Kuala Sungai Baru dan Kuala Linggi di daerah Alor Gajah.

Selain itu, katanya, enam lagi KBT penagihan dadah di negeri ini ialah di Krubong, Peringgit, Malim, Masjid Tanah dan Durian Tunggal.

"Kesemua data ini diperoleh daripada pelbagai agensi termasuklah pihak polis yang telah melakukan tangkapan di kawasan berkenaan.

"Sejak tahun lalu, AADK Melaka telah memulakan program penghijauan KBT penagihan dadah yang mana KBT Krubong menjadi kawasan pertama yang berjaya dihijaukan.

"Pada tahun ini AADK menyasarkan penghijauan di KBT Masjid Tanah dan seterusnya di lokasi-lokasi lain menjelang 2025," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas mewakili EXCO Antidadah Negeri Dr Muhamad Akmal Saleh merasmikan Sambutan Peringatan Hari Antidadah Kebangsaan (HADK) Peringkat Negeri Melaka di sebuah pusat beli-belah di sini, 12 Mac lalu.

Mengulas mengenai sambutan tersebut, Wan Madihi berkata pelbagai program telah diadakan sepanjang HADK yang disambut pada 19 Feb setiap tahun.

Beliau berkata, antara program yang telah diadakan termasuklah amanat Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali yang disiarkan secara langsung menerusi Melaka Hari Ini, program 'walk-about' dan 'walking message' di kawasan pantai peranginan yang menjadi lokasi KBT serta program Sembang Santai bersama EXCO Kesihatan dan Antidadah di Leypark Station.

Selain itu, turut diadakan program bual bicara; pameran; pemeriksaan kesihatan; kaunter aduan, bimbingan dan kaunseling serta jualan.

RM10,000 melayang tertipu tawaran khidmat seks Twitter

AYER KEROH - Hasratnya mahu 'dibelai' gadis keronnya menawarkan perkhidmatan seks tidak kesampaian, malah seorang remaja berusia 18 tahun rugi RM10,000 selepas diperdaya satu sindiket penipuan.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) negeri Deputi Superintendant Azmi Aziz berkata, kejadian berlaku pada 12 Mac lalu.

Katanya, ketika melayari aplikasi Twitter mangsa yang juga pelajar sebuah kolej swasta di Kuala Lumpur, melihat tawaran perkhidmatan seks lalu menghubungi Telegram yang menggunakan nama @XIAOAI 18.

Beliau berkata, mangsa tertarik den-

gan perkhidmatan seks ditawarkan berurus dengan sindiket dan melakukan transaksi pindahan wang seperti diajukan.

"Pakej perkhidmatan seks yang ditawarkan kepada mangsa berharga RM300 bagi tempoh dua jam dan bayaran perlu dibuat menggunakan tambah nilai Razer Gold."

"Ketika menunggu di hadapan sebuah kedai serbaneka di Batu Berendam untuk membuat bayaran kira-kira jam 1 tengah hari, mangsa dihubungi seorang lelaki memintanya membuat bayaran deposit tambahan.

"Bayaran itu dikatakan sebagai cagaran bagi memastikan mangsa tidak men-

cederakan gadis ditimpah," katanya.

Azmi berkata, mangsa melakukan lima transaksi ke akaun diberikan suspek dengan jumlah keseluruhan RM10,000.

"Mangsa dikatakan membuat bayaran kepada sindiket dengan menggunakan kesemua wang simpanannya."

"Meskipun bayaran sudah dibuat, mangsa tidak dihubungi oleh mana-mana pelanggan perempuan pada petang itu sebelum menyedari dia ditipu," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, mangsa kemudian membuat laporan di Balai Polis Bukit Baru pada hari sama memaklumkan dia ditipu dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksian.



MELAKA HARI INI

SINDIKET penipuan seks di Twitter menyebabkan seorang penuntut kolej rugi RM10,000. Gambar hiasan

Sasar pasang 2,000 AED di Melaka

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Majlis Datuk-Datuk Negeri Melaka (MDDNM) menyasarkan sebanyak 2,000 peranti defibrilator luaran automatik (AED), iaitu alat untuk membantu serangan jantung dipasang di tempat awam seluruh negeri ini.

Timbalan Presiden MDDNM, Datuk Wira Dr Ahmad Zaini Mohd Amin berkata, kesemuaperanti itu perlu diselaraskan dengan latihan proses bantuan pernafasan (CPR) kepada orang ramai.

"MDDNM membuat promosi memperbanyakkan bilangan AED di dalam Negeri Melaka khususnya di kawasan-kawasan ibadat, tempat awam, kawasan sukan dan rekreasi, pelancongan, hotel serta perindustrian secara berperingkat.

"Kita sasarkan sebanyak 2,000 peranti AED dipasang di Melaka, setakat ini hanya 13 peranti AED yang dipasang di premis awam di negeri ini.



DEMONSTRASI menggunakan AED antara ditunjukkan dalam majlis Pemasangan AED di Sekitar Negeri Melaka di sebuah hotel di Ayer Keroh.

"Sebelum ini MDDNM mendapat hak eksklusif daripada ZOLL Medical Malaysia dan Malaysian EMS Systems Sdn Bhd membekalkan alat peranti AED untuk menjayakan misi ini," katanya.

Beliau berkata, demikian pada sidang media Pemasangan AED di Sekitar Negeri Melaka di sebuah hotel di Ayer Keroh, 15 Mac lalu yang turut dihadiri Presiden MDDNM, Datuk Wira Jahaya Mat.

Menurutnya, MDDNM juga akan berkolaborasi bersama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Melaka untuk mengenal pasti lokasi sesuai untuk memasang peranti itu.

Katanya, MDDNM turut berkolaborasi bersama Malaysian EMS Systems Sdn Bhd dan St John Ambulance of Malaysia (SJAM) Cawangan Melaka untuk mewujudkan kumpulan 'First Responders' yang terlatih dalam kalan-gan orang awam untuk

membuat CPR dan cara penggunaan AED.

"MDDNM bersama Malaysian EMS Systems dan ZOLL akan membangunkan satu 'Web-Based Application' untuk 'First Responders'. Satu notifikasi akan keluar apabila terjadi insiden serangan jantung secara tiba-tiba (SCA).

"Setiap peranti AED dilengkap dengan Global Positioning System (GPS), aplikasi ini membolehkan 'First Responders' terdekat dipanggil dengan info maklumat peranti AED terdekat untuk digunakan.

"Ini bertujuan memendekkan masa bantuan kepada mangsa sebelum bantuan pakar perubatan tiba," katanya.

Ahmad Zaini berharap inisiatif itu mendapat saman-tan pelbagai pihak selain memberikan Melaka imej baharu sebagai negeri destinasi pelancongan yang menjamin kesihatan, keselamatan serta kemakmuran rakyat dan pengunjung.



IKLAN SEBUTHARGA

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA) DI BANGUNAN PEJABAT DUA TINGKAT MILIK PERTAM DI LOT NO.40,40-1,42,42-1,44,44-1,46,46-1,48,48-1, JALAN BKD 27, TAMAN BUKIT KATIL DAMAI 2, BUKIT KATIL, 75450 MELAKA

- Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat yang beralamat di dalam Negeri Melaka dan dikenalpasti berpengalaman dalam bidang kerja yang ditawarkan bertaraf Bumiputera serta berdaftar dengan:

Kementerian Kewangan Malaysia di dalam bidang:

220801 Perkhidmatan > Pertahanan Dan Keselamatan > Kawalan Keselamatan
- Dokumen sebutharga yang berharga RM 10.00 senaskah (Ringgit Malaysia : Sepuluh Ringgit Sahaja). Dokumen sebutharga boleh didapati di pejabat PERTAM dan hendaklah dibukukan / didokumentasikan.
- Tarikh Lawatan Tapak : 30 Mac 2022 (Rabu) jam 10.00 pagi
- Tempat Lawatan Tapak : Bangunan Pejabat Dua Tingkat Di Lot No.40 - 48, Jalan BKD 27, Taman Bukit Katil Damai 2, Bukit Katil, 75450, Melaka.
- Dokumen tawaran akan dikeluarkan kepada wakil – wakil syarikat yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil – wakil syarikat hendaklah menyerahkan satu salinan sijil pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia kepada PERTAM.
- Tawaran ini akan ditutup pada 07 April 2022, jam 12.00 tengahari.
- Penyebutharga diwajibkan menghantar profail syarikat yang lengkap termasuk penyata kewangan bagi tempoh tiga (3) bulan terkini, dilampirkan bersama dokumen sebutharga yang telah lengkap.
- Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertulis dengan tajuk dan nombor sebutharga berkenaan di atas sebelah kiri sampul surat dan hendaklah dihantar supaya sampai ke dalam Peti Sebutharga Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka, Lot No.40 - 48, Jalan BKD 27, Taman Bukit Katil Damai 2, Bukit Katil, 75450, Melaka.
- Pihak PERTAM tidak terikat untuk menerima mana – mana sebutharga.
- Iklan sebutharga ini adalah pemakluman lanjutan tempoh tarikh lawatan tapak dan tarikh tutup sebutharga.

Sekian dimaklumkan

Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM)



PEGAWAI Pemantau Harga KPDNHEP Melaka telah menjalankan pemantauan harga di beberapa premis sekitar Merlimau, baru-baru ini. Foto: KPDNHEP Melaka

Kompaun RM18,600 dalam tempoh tiga bulan

Siti Salehah

AYER KEROH - Kompaun berjumlah RM 18,600 dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka bagi tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Pengaruhnya, Norena Jaafar berkata, jumlah itu membabitkan 123 kes dengan nilai sitaan kira-kira RM 1,420.

Katanya bagi tempoh Jan hingga awal Mac pihaknya melakukan pemeriksaan keatas 9,898 premis bagi memastikan semua undang-undang dan akta yang dikuasa dipatuhi.

"Daripada 123 kes itu sebanyak 93 kes diambil tindakan dibawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan manakala lima kes dibawah Akta Kawalan

Bekalan.

"Sementara itu 17 kes mengikut Akta Timbang Sukat manakala lapan lagi membabitkan kes dibawah Akta Perlindungan Pengguna.

"Berdasarkan statistik juga KPDNHEP berjaya menyelesaikan sebanyak 647 aduan diterima sepanjang tahun lalu," katanya.

Menurutnya, bermula Jan hingga 13 Mac lalu, KPDNHEP merekodkan sebanyak 121 aduan yang diterima melalui pelbagai saluran disediakan bagi membantu pengguna.

"Sebanyak 188 kes tuntutan difaikkan untuk tindakan lanjut menerusi Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) dan 163 daripada itu berjaya diselesaikan dan 25 sedang dalam siasatan," katanya.

MBMB lulus 2,512 tapak bazar Ramadan, Aidilfitri

Fiqa Jamal

AYER KEROH - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) meluluskan permohonan 2,512 tapak bagi keseluruhan gerai bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri di bawah kawasan pentadbirannya.

Datuk Bandar MBMB Datuk Zainal Abu berkata keseluruhannya sebanyak 12 permohonan bagi bazar Aidilfitri dan 19 bazar Ramadan diterima pihaknya.

Katanya, mengikut pecahan sebanyak 1,191 tapak bagi bazar Aidilfitri dan 1,321 bagi bazar Ramadan yang akan beroperasi bermula pada 3 April sehingga 3 Mei depan.

Zainal berkata, bagi bazar Aidilfitri, dijalankan di bawah sembilan Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan penetapan waktu operasi dari jam 5 petang hingga 12 malam.



KEADAAN di bazar Ramadan di Taman Rambai Jaya tahun lalu.

Manakala, bazar Ramadan dijalankan di bawah 13 DUN dengan penetapan waktu operasi dari jam 3 petang hingga 8 malam sahaja.

Jelasnya pengunjung masih terikat kepada prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselama-

tan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Antara SOP yang ditetapkan adalah tempat beratur dan jarak gerai dengan gerai adalah satu meter dan pengunjung digalakkan berurusan secara 'cash/less' dan

kesemua laluan adalah jalan sehalia di mana pintu masuk dan keluar adalah berbeza.

"Kesemua konsep jualan hendaklah secara bungkus (take away) sahaja dan perlu mematuhi SOP asas dengan mengimbau MySejahtera, peniaga sediakan

buku log serta cecair pencuci disinfeksi.

"Namun SOP ini tertakluk kepada pindaan selaras dengan perubahan dasardasar baharu yang berkuatkuasa dari masa ke semasa," katanya.

Untuk rekod, bazar Aidilfitri di Jalan Utama Taman Seri Telok Mas adalah yang terbesar di negeri ini dengan 370 tapak gerai diluluskan MBMB, diikuti di Jalan Klebang Utama 2 dengan 190 tapak dan 147 tapak di Jalan Hang Tuah.

Bagi lokasi bazar Ramadan, sebanyak 150 tapak di hadapan Sekolah Telok Mas mencatatkan sambutan tertinggi diluluskan diikuti 125 tapak di Jalan Peringgit dan 100 tapak masing-masing di Taman Cempaka, Taman Semabok Perdana dan Taman Rambai Jaya.

Secara keseluruhan bazar Aidilfitri yang diluluskan membabitkan Dataran

Pahlawan (30 tapak), Uptown Pahlawan Walk (97), Pahlawan Street (70), Tempat letak kereta Pasaraya Lotus (57), Melaka Sentral (70), Pantai Puteri (50), Tapak Pasar Malam Duyong (30), Bandar Baru Sungai Udang (60) dan Simpang Paya Dalam ke Tambak Paya (20).

Manakala bagi bazar Ramadan yang diluluskan membabitkan di Mukim Pernu (10 tapak), Bahu Jalan Taman Cheng Perdana (80), Kampung Lapan (60), KM 10, Tanjung Kling (50), Berhampiran Balai Raya Balik Buluh, Klebang (80), Taman Perawan Bukit Rambai (15), Plaza Tun Mamat hadapan Plaza Hang Tuah (65), Taman Terendak Permai (80), Paya Dalam (21), Tapak Pasar Malam Paya Ikan (70), Tapak Pasar Malam Duyong (50), Taman Rambai Utama (45) dan Paya Rumput (20).

800 peniaga bazar Ramadan di Alor Gajah, 290 di Jasin



SAPIAH bersama Datuk Rahmad Mariman ketika melawat bazar Ramadan di Jasin Bestari.

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) meluluskan 10 bazar Ramadan dan dua bazar Aidilfitri dibuka padatahun ini.

Yang Dipertua, Mohd Fadhil Hassan berkata bazar Ramadan itu melibatkan seramai 800 peniaga manakala Bazar Aidilfitri melibatkan seramai 124 peniaga.

"Kita baru putuskan dalam mesyuarat beberapa lokasi bazar Ramadan dan Aidilfitri diluluskan untuk tahun 2022.

"10 lokasi bazar Ramadan adalah di Pekan Kuala Sungai Baru, Taman Desa Londang, Pekan Alor Gajah, Pekan Masjid Tanah, Pekan Lubuk Cina, Taman Seri Sutera Pengkalan,

Bandar Satelit Pulau Sebang, Taman Seri Gamelan, Pekan Pulau Sebang Utara dan Pusat Perniagaan Jelatang.

"Manakala Bazar Aidilfitri ada dua lokasi di Pekan Masjid Tanah (104 peniaga) dan hadapan perhentian bas Masjid Tanah ada 20 peniaga," katanya ketika dihubungi MHI.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) Datin Sapiah Haron memaklumkan sebanyak tujuh Pasar Ramadan di daerah Jasin akan dibuka bermula 1 Ramadhan.

Katanya, ia melibatkan seramai 290 peniaga yang mana 60 peniaga di Bandar Baru Merlimau, Bandar Jasin Bestari (60), tapak letak kereta Stadium Jasin (50) dan tapak Pasar Malam Ny-

ias, Pekan Nyalias (15 peniaga).

Katanya Pasar Ramadan jugadibukadi R&R Sungai Rambai Arah Selatan membabitkan 50 peniaga, Pekan Selandar 20 peniaga dan Taman Bukit Ser-kam seramai 35 peniaga.

Menurutnya, setakat ini prosedur operasi standard (SOP) di Pasar Ramadan masih diteruskan seperti sebelum ini yang mana perlu memastikan penjarakan dua meter antara peniaga.

"SOP sama seperti dulu, ada penjarakan dua meter antara khemah peniaga, kita masih buat pintu masuk dan keluar, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) juga akan menjaga setiap pintu masuk untuk pastikan pengunjung imbas QR," katanya.

Bazar Ramadan, Aidilfitri tetap terikat SOP - MPHTJ

AYER KEROH - Sebanyak lapan Bazar Ramadan dan tiga Bazar Aidilfitri akan dibuka di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) bermula 1 Ramadan tahun ini.

Yang Dipertua MPHTJ Datuk Shadan Othman berkata kesemua bazar tersebut bagaimanapun masih beroperasi mengikut sekatan dan had pengunjung satu-satu masa yang ditetapkan.

Katanya, ia selaras dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan negeri dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Katanya, pihak pengangur bazar

turut diminta mengekalkan pemberian nombor bagi setiap pengunjung agar dapat mengawal kesesakan dan penjarakan fizikal sepanjang penganjuran itu.

"Antara lokasi Bazar Ramadan adalah di kawasan tapak parkir Masjid Al-Alami MITC, tapak parkir Pangsapuri Ixora Bukit Beruang, hadapan Sekolah Jenis Kebangsaan Jenis (Cina) (SJKC) Chabai, dan di hadapan Taman Batu Berendam Putra.

"Turut diadakan di hadapan SK Taman Merdeka, Kampung Tun Abdul Razak Bukit Katil, Pekan Durian Tunggal dan Tapak surau Taman Saujana

Tehel.

"Manakala sebanyak tiga Bazar Aidilfitri diadakan di Dataran Sejarah, Pasaraya Kipmall Bachang dan Pasaraya Mydin MITC," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Untuk rekod, penganjuran Bazar Ramadan dan Aidilfitri di bawah pentadbiran MPHTJ tahun ini meningkat berbanding 10 bazar Ramadan dan Aidilfitri pada tahun lalu.

Selain itu, difahamkan, Bazar Aidilfitri mega yang sebelum ditempatkan di tapak parkir MITC turut dipindahkan ke Dataran Sejarah Ayer Keroh.



SHADAN ketika menyantuni peniaga bazar Ramadan tahun lalu.

Tanjung Tuan bakal gamit pelancong

Faiz Hasan

TANJUNG TUAN - Hutan Rekreasi Tanjung Tuan bakal dinaik taraf sebagai lokasi eko pelancongan terbaharu di negeri ini seiring dengan Dasar Pelancongan Negera.

EXCO Pelancongan negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, antara perancangan bakal dilaksanakan adalah tapak 'glamping' bagi menarik lebih ramai peminat aktiviti itu berkunjung ke Tanjung Tuan.

Katanya, pembangunan bakal dijalankan memberi penerapan kepada konsep binaan yang tidak kekal dan selamat bagi memulihara habitat serta ekologi di hutan berkenaan.

"Dengan ketinggian kira-kira 500 meter dari paras laut, Tanjung Tuan adalah antara puncak tertinggi di Melaka yang kaya dengan pelbagai khazanah dan tinggalan semula jadi."

"Insya-Allah kita akan bangunkan aktiviti 'glamping' seperti di Pulau Nangka dan Pulau Besar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Memerhati Burung Pemangsa 'Raptor

Watch' 2022 diadakan di Rumah Api Tanjung Tuan, di sini, 12 Mac lalu.

Tambahnya, pembangunan di Tanjung Tuan tidak akan membabitkan pembinaan bangunan

kekal yang dikhuatiri menjasakan usaha pemuliharaan alam semula jadi.

"Apabila dibangunkan kita tidak mahu ada jalan berturap, bila larah kekal dengan jalan tanah

merah, selain tapak 'glamping' akan menekankan konsep solar.

"Kita akan bangunkan selaras dengan Dasar Pelancongan Negera iaitu memperkasa eko pelancongan yang menekankan pe-

lancongan tidak melibatkan kerobosan ekosistem dan ekologi sedia ada," katanya.

Muhammad Jailani berkata, rumah api di kawasan itu juga akan dibangunkan dengan tarikan baharu.

Dia memberitahu, usaha mempromosikan rumah api pertama dibina di Tanah Melayu itu akan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Laut Malaysia.

"Mengikut perancangan kita akan perkenalkan galeri sejarah menerangkan mengenai bagaimana terbinanya rumah api ini pada tahun 1817," katanya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai kemerosotan jumlah burung pemangsa di Tanjung Tuan tahun ini, beliau berkata ia mungkin berpunca daripada faktor perubahan cuaca.

Katanya, sejak lima hari lalu dianggarkan sekitar 8,000 spesies sahaja burung hijrah melintasi perairan Selat Melaka.

Jelasnya, mengikut Malaysia Nature Society (MNS) kebiasaan burung pemangsa seperti 'Oriental Honey Buzzard', 'Gray-Faced Buzzard' dan 'Japanese Sparrowhawk' antara spesies burung berhijrah ke Tanjung Tuan pada setiap tahun.



MUHAMMAD Jailani (tengah) memerhatikan burung pemangsa di Rumah Api Tanjung Tuan.

IKLANEKA
MELAKA HARIINI
Mhi

PILIHAN RUANG IKLAN TERBAIK 2022

MELAKA HARIINI

TEMPAHAN IKLAN
018 329 9936



AUTOMOTIF

Kereta
Motosikal
Trak
Bas
Lori



HARTANAH

Perumahan
Rumah Kedai
Lot Tanah



KERJAYA

Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan



KLASIFIKASI AM

Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
Perabot



NOTIS

Lelongan
Guaman
Kewangan
Tender
Notis Am



www.melakahariini.my



Melaka Hari Ini



Melaka Titans bukan pasukan belasahan

Farah Suhaidah Othman

GABUNGAN pemain tempatan dan pemain import diyakini mampu membantu Melaka Titans mencipta kejutan dalam Sepak Takraw Champion Cup 2022.

Dalam saingan itu, Melaka Titans bakal membawakan lima pemain tempatan yang akan bergandingan bersama seorang pemain import dari Golok Thailand iaitu Rusdee Leerem, 26.

Presiden Persatuan Sepak Takraw Melaka (PASTAM), Datuk Akramuddin Aziz berkata meskipun pertama kali menyertai kejohanan berkenaan, namun beliau enggan melihat Melaka Titans menjadi pasukan belasahan

dalam kalangan enam pasukan yang menyertai kejohanan berkenaan.

Beliau sebaliknya per-

caya regu kendalian Riduan Ramli mampu memperlihatkan aksi bertentara dan bakal memberi saingan.

"Meskipun dalam Divisyen 1 kejohanan Emas Anuar Liga Sepak Takraw (STL) 2021/22 kita menjadi

juara tetapi saya melihat bahawa mutu (permainan) agak rendah sedikit tetapi saya percaya dengan adanya pemain baru yang pernah beraksi di Liga Premier sebelum ini, mutu permainan kita dapat dipertingkatkan."

"Saya melihat Rusdee (pemain) dari Thailand, beliau pernah mewakili bomba pada suatu ketika dahulu dan saya lihat ketika digandingkan bersama Omar sebagai 'feeder' serta tekong, Aziz saya nampak keserasian amat mengalakkkan."

"Saya percaya Insya-Allah sesuatu akan menjelma ketika Champion Cup nanti," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meraikan majlis makan malam bersama Melaka Titans di

Baruh Alai yang turut dihadiri Pengarah Majlis Sukan Negeri (MSN) Melaka, Ma-hathir Mustafa, 16 Mac lalu.

Mengulas lanjut, Akramuddin berkata, beliau tidak mahu meletakkan sasaran yang tinggi sebaliknya mengharapkan pasukan itu memperlihatkan aksi yang baik dalam kejohanan itu.

"Kita jangan fikir apa target kita di peringkat akhir. Selepas kemenangan kita yang pertama kita fikirkan pula target kemenangan kedua, selepas itu kemenangan ketiga dan seterusnya ke peringkat akhir."

"Dan saya percaya bahawa pemain-pemain ini telah berikrar untuk bersama-sama dengan Melaka Titans untuk menuju puncak," katanya.



PASUKAN Melaka Titans bergambar bersama PASTAM di majlis makan malam di Baruh Alai, Telok Mas.

Tiada kompromi, terus singkir jika terlibat doping

Norizan Abdul Muhid

PERSEKUTUAN Angkat Berat Malaysia (PABM) memberi amaran akan menyingkirkan terus manapun atletnya yang terlibat dengan isu doping.

Presidennya, Datuk Ayub Rahmat berkata, PABM telah mengambil tindakan tegas sebelum ini termasuk membubarkan pasukan kebangsaan dan meminda Perlembagaan persatuan selain merangka peraturan baharu bagi menangani isu yang menghantui atlet sukan itu.

Menurutnya, sebelum ini terdapat atlet dan pegawai sukan tersebut masih kurang jelas dengan peraturan baharu berkaitan doping sehingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan mereka.

"Kita sudah maklumkan bahawa setiap kejohanan termasuk di Melaka ini, kita menjemput Agensi Anti Doping Malaysia (ADAMAS) untuk melakukan saringan urin dan sebagainya.

"Itu yang kita lakukan di setiap kejohanan dan pada setiap pusat-pusat latihan kita lakukan secara berulang-ulang secara 'spot check' agar atlet-atlet kita sentiasa dalam keadaan bersih, terhindar daripada masalah doping."

"Namun begitu masih ada juga yang degil dan sebagainya, jadi sekiranya mereka terlibat lagi selepas ini maka mereka akan disingkirkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas ditemui pada Majlis Perasmian Kejohanan Angkat Berat Youth, Junior dan Senior yang

disempurnakan oleh EXCO Belia dan Sukan Negeri, V P Shanmugam di Dewan Alamanda Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) di sini, 15 Mac lalu.

Dalam pada itu, kata Ayub, tindakan tegas yang diambil pihaknya termasuk membubarkan pasukan kebangsaan adalah bertujuan untuk memberi nafas baharu kepada atlet dan pegawai serta menetapkan halaju sukan angkat berat negara.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, pihaknya mensasarkan tiga pingat emas bakal dikutip sempena Sukan Komanwel Julai ini melalui tujuh atlet angkat berat negara antaranya Mohd Aniq Kasdan, Muhammad Aznil Bidin, Muhammad Erry Hidayat, Mohamad Nasir Roslan dan Elly Cassandra.



AYUB bersama Shanmugam pada Majlis Perasmian Kejohanan Angkat Berat Youth, Junior dan Senior di Dewan Alamanda Jasin (MPJ).

Boling erat hubungan APM, media Melaka

Mohamad Fazrul Abdul Majid

ANGKATAN Pertahanan Awam Malaysia (APM) Negeri Melaka telah menganjurkan satu acara boling bersama media bertempat di Pusat Boling Antarabangsa Melaka (MIBC) di Ayer Keroh, 17 Mac lalu.

Program Apresiasi APM Melaka Bersama Media sempena Hari Ulang Tahun Pertahanan Awam (HUTPA) ke-70 Tahun 2022 itu disertai seramai 40 wakil media pelbagai agensi yang disatukan bersama-sama wakil APM Melaka.

Menurut Pengarah APM Melaka Lt

Kol (PA) Cuthbert John Martin Quadra, objektif program itu adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan kerjasama agensi itu bersama rakan media di negeri ini.

Ia juga, katanya, menjadi satu platform untuk mengenali dan berkongsi perkem-

bangan terkini APM sebagai sebuah sekretariat atau responden pertama bencana di negara dan negeri ini.

"Jadi, kita mahukan satu jalinan kerjasama itu dierat bersama rakan media bagi membolehkan segala mesej kita sampai terus kepada orang ramai."

"Kita berharap program sebegini dapat dianjurkan sekurang-kurangnya setahun sekali dan jika lebih ia dianggap bonus."

"Semua itu kita lakukan sebagai tanda penghargaan kepada media yang telah membantu dan bertindak sebagai rakan strategik APM dalam melaporkan berita yang tepat kepada orang ramai," katanya ketika ditemui pemberita dalam program tersebut.

Di akhir acara, wakil Utusan Malaysia Muhammad Rasul Azli Samad dinobat sebagai pemain lelaki terbaik dengan jatuh pin sebanyak 299.

Manakala pemain wanita terbaik menjadi milik wakil RTM Melaka Norhaya Jamal dengan 193 jatuh pin.



CUTHBERT (tengah) bergambar bersama wakil media selepas Program Apresiasi APM Melaka bersama Media Negeri Melaka di MIBC Ayer Keroh. Foto: MR. Azli



MBMB E-SPORT BATTLE MELAKA CHAMPIONSHIP 2022

SEMPENA SAMBUTAN
ULANG TAHUN NE-19
BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

DEWAN TAMING SARI MBMB

27 Mac 2022 | 9.00 am - 10.00 pm

SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGKU:

019-828 0538 - EZMYR

017-286 4863 - NAQIUDDIN





Melaka Titans berwajah baharu

Sukan

MELAKA HARI INI

APM, media
Melaka berentap

COVID-19 duga Melaka United

SEKITAR sesi latihan Melaka United sebelum dijangkiti COVID-19. Foto: Melaka United FC

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SERANGAN COVID-19 membabitkan sebahagian besar pemain dan pegawai dianggap sebagai antara dugaan besar buat Kelab Bolasepak Melaka United (Melaka United FC).

Pengurus Pasukan Muhammad Akram Abdullah berkata, disebabkan ujian pandemik itu, sesi latihan pasukan yang sepatutnya dimanfaatkan dalam tempoh rehat hampir sebulan tertangguh.

Malah, jangkitan itu juga dikhuatir memberi impak kepada kesihatan pemain untuk jangka masa panjang memandang-

kan ada dalam kalangan pesakit yang terpaksa menempuh simptom 'long COVID-19' untuk tempoh jangka panjang.

Bagaimanapun, Muhammad Akram enggan terbuai dengan perasaan negatif, sebaliknya tetap optimis moral pasukan dapat ditingkatkan kembali oleh Ketua Jurulatih, Risto Vidakovic dalam tempoh yang ada sebelum kembali beraksi menentang Sabah FC pada 5 April depan.

"Terus terang saya katakan situasi ketika ini sedikit menganggu persiapan pasukan kerana banyak yang telah kita rancang.

"Bagaimanapun dengan tempoh masa

yang ada ketika ini kami menaruh kepercayaan penuh kepada Ketua Jurulatih dalam meningkatkan semula moral pasukan bagi menghadapi perlawan-perlawanan akan datang," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Muhammad Akram berkata, antara yang dijangkiti wabak itu ialah sebahagian besar pemain tempatan serta tiga pemain import iaitu Adriano Narciso, Justin Baas dan Emmanuel Oti Essigba.

Bagaimanapun ujarnya, kesemua mereka termasuk pegawai sudah pulih selepas menjalani tempoh kuarantin tujuh

hari yang ditetapkan.

"Alhamdulillah kesemua telah pulih dan kembali menjalani latihan pada Khamis lalu selepas selesai tempoh kuarantin.

"Persiapan rapi lebih awal perlu dilakukan berikutnya banyak perlawan Liga Super yang bakal ditempuh bulan depan selain aksi pusingan pertama Piala FA," katanya.

Menurut Muhammad Akram, aksi pusingan pertama Piala FA menentang PIB FC yang ditangguh sebelum ini bagaimanapun masih belum mendapat tarikh baharu dan sedang menunggu keputusan daripada Malaysia Football League (MFL).